

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 128 ● 13 - 19 OGOS 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Rumah PPR DBKL bantu kurangkan perbelanjaan Fendy Caliph Busker

KISAH pemain drum kumpulan Caliph Basker, Fendy Adlun memohon bantuan untuk mendiami di projek perumahan rakyat (PPR) pada hujung Julai lalu mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang menyerahkan surat tawaran pada Jumaat lalu.

Beliau yang telah menanti selama

tujuh tahun bersyukur apabila ditawarkan unit rumah tersebut dan menganggap ia sebagai hadiah yang paling bermakna sempena Maal Hijrah.

"Saya rasa ini antara salah satu hadiah paling bermakna dan perasaan ini seperti saya dapat menyertai Anugerah Juara Lagu (AJL) pada tahun 2015 yang lalu.

"Perasaan itu lahir kerana difahamakan terdapat ribuan yang memohon, tetapi Allah mudahkan jalan dan saya sangat berbesar hati," katanya kepada *Wilayahku* pada Jumaat.

Bercerita lanjut, Fendy mengakui kehidupannya sebagai pemuzik jalanan agak sukar selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

dilaksanakan sejak tahun lalu yang bertujuan untuk mengelak penularan wabak COVID-19.

"Untuk meneruskan kehidupan, saya terpaksa menjual dua set drum selain melakukan persembahan busking secara online melalui laman Facebook.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Imuniti kelompok: Erti merdeka milenia WP



KEMERDEKAAN di ambang milenia ini bukanlah seperti kebebasan daripada cengkaman penjajah yang diperjuangkan masyarakat terdahulu.

Meskipun tiada pertumpahan darah atau melibatkan senjata, perjuangan masa ini juga getir dan mengorbankan banyak nyawa kerana masyarakat diserang musuh yang tidak kelihatan dek mata

kasar.

Justeru, kemerdekaan yang diharapkan pada masa ini adalah kebebasan daripada jangkitan wabak COVID-19 serta pemulihan ekonomi di samping peluang untuk hidup normal seperti sebelumnya selepas sasaran imuniti kelompok berjaya dicapai.

Bagi Wilayah Persekutuan, Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa menyatakan, Kuala Lumpur

dan Putrajaya juga bakal 'Merdeka' dalam tempoh terdekat, selepas Labuan berada di Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ini kerana katanya, kedua-dua wilayah itu sudah mencapai kira-kira 70 peratus imuniti kelompok dan dijangka sasaran dicapai dalam tempoh dua minggu lagi.

Susulan itu, beliau memaklumkan, Jawatankuasa Pemulihan Wilayah Persekutuan

(JPWP) akan ditubuhkan bagi merangka strategi untuk membangunkan semula ekonomi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan selepas sasaran 80 peratus imuniti berkelompok dicapai pada bulan ini.

Sementara itu, pakar ekonomi juga menyuarakan keperluan perancangan awal pelan pemulihan ekonomi bagi membantu masyarakat.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



Sertai PriVo untuk bantu rakyat - Ajirina >> 3



YWP sumbang bantuan mangsa COVID-19 >> 8



Jangan lunturkan semangat Patriotisme, kibarlah Jalur Gemilang >> 12 & 13

Hadiah rumah PPR paling bermakna untuk saya - Fendy Caliph Busker

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

PENDAPATAN pula tidak menentu dan adakalap boleh mendapat kira-kira RM60 untuk satu sesi yang belangsung setiap Sabtu manakala ketika kejohanan Bola Sepak EURO dan Sukan Olimpik baru-baru ini, saya tidak mendapat pendapatan kerana orang ramai lebih gemar menonton kejohanan tersebut," katanya.

Fendy yang juga bapa tunggal sejak tiga tahun lalu turut menjaga anak perempuannya, **Nur Azalea Zafirah**, 6, yang mempunyai masalah penglihatan dan autisme.

Justeru itu, keadaan tersebut menyebabkan beliau perlu mencari alternatif lain termasuk memohon rumah PPR kerana ketika ini, Fendy perlu menanggung sewa yang agak tinggi.

"Dengan pendapatan yang tidak menentu, saya perlu menyediakan kira-kira RM1,300 setiap bulan untuk melunaskan bayaran sewa dan ia tidak termasuk makan, minum dan keperluan anak.



ANNUAR menyerahkan surat tawaran rumah PPR kepada Fendy Adlun pada Jumaat lalu.

Oleh itu, melalui rumah PPR ini, perbelanjaan dapat dijimatkan dan ia boleh digunakan untuk pendidikan dan rawatan anak saya," katanya.

Menurut Fendy, apa yang akan diingati sepanjang hayatnya adalah Tan Sri Annuar Musa merupakan pemimpin pertama yang menghubunginya untuk bertanyakannya tentang

selain berjanji untuk membantu beliau mendapatkan rumah PPR.

"Alhamdulillah dan saya tidak sangka, rumah itu di PPR Taman Mulia. Ia juga lengkap dengan keperluan untuk golongan seperti saya yang ada ramai kenalan yang cacat penglihatan serta anggota Caliph Buskers yang lain turut menetap di

situ.

"Ja secara langsung, memudahkan saya ke mana-mana dan berkongsi tambang kendaraan atau memenuhi undangan persembahan apabila keadaan reda nanti," katanya.

Sementara itu, Annuar berkata, dalam memberikan tawaran penyewaan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), banyak kriteria tertentu yang perlu diperhalusi.

"Hasil semakan, beliau (Fendy) membuat permohonan pada 2014. Bagaimanapun, DBKL tidak dapat menawarkan mana-mana unit kerana tiada yang sesuai dengan keadaan pemohon.

"Saya mendapat maklumat mengenai luahannya melalui media sosial lalu terus menghubungi untuk bertanya khabar, masalah dihadapi dan latar belakang bagi mendapat maklumat terkininya," katanya yang turut menyifatkan Fendy sebagai seorang yang gigih dan cekal menghadapi cabaran sebagai orang kurang upaya (OKU).

Annuar berkata, hasil semakan mendapati Fendy membuat per-

mohonan pada Oktober 2014 dan memohon rayuan setahun kemudian dengan memaklumkan sudah memperoleh cahaya mata pertama pada Jun 2015.

"Bagaimanapun pada Mac 2016, DBKL memaklumkan penyewaan tidak dapat ditawarkan berikutnya tiada kekosongan.

"Namun sekali lagi beliau merayu DBKL membantu mendapatkan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah mampu DBKL berikutnya keadaan begitu mendesak, terjejas pendapatan sebagai pemuzik jalanan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Justeru pada 22 Julai lalu, DBKL memberikan surat tawaran menduduki kediaman dua bilik di PPR Taman Mulia, Bandar Tun Razak dengan sewaan RM124 sebulan," katanya.

Dalam hantarnya di laman *facebook*nya, Annuar bersyukur kerana berpeluang untuk menolong Fendy mendapatkan rumah di PPR Taman Mulia dan akan membayarkan sewa bulanan selama setahun untuk membantu Fendy. **WK**

Kebenaran *dine-in* bantu kembalikan pendapatan terjejas

PPN Fasa 3 disambut baik warga Labuan

KHAIRUL IDIN

PELAN Pemulihan Negara (PPN) Fasa Tiga yang berkuatkuasa di Labuan pada masa ini, disambut baik seluruh penduduk pulau itu terutamanya golongan peniaga berikut ia dapat membantu merancakkan semula sektor ekonomi.

Peralihan Fasa Tiga diumumkan kerajaan pada Rabu lalu susulan kes jangkitan COVID-19 di Pulau Bebas Cukai itu telah mencatatkan penurunan kes yang ketara dan mencapai kadar vaksinasi 80 peratus imuniti kelompok pada Julai lalu.

Dengan peralihan itu, ia umpsama membenarkan sinar baharu kepada seluruh warga Labuan khususnya golongan peniaga kerana sebelum ini Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 memberikan kesan teruk sehingga ada antara mereka hilang punca pendapatan susulan tidak dibenarkan beroperasi.

Pemilik kedai makanan Warisan, **Ahmad Asri Othman**, 53, berkata, ia merupakan satu sinar baru kepada sinar baharu dengan peralihan ini, pelanggan dibenarkan makan di kedai dan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan lagi hasil pendapatannya.



ORANG ramai sedang menikmati juadah makanan secara *dine-in* dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

"Syukur Alhamdulillah, sebelum ini kita sudah hampir dua bulan tutup kedai dan sekarang ini '*dine-in*' dibenarkan. Ia memberikan kelegaan kepada saya."

"Sejak beberapa hari ini, sambutan daripada pelanggan agak meriah juga dan sudah tentunya hasil pendapatan itu memberangsangkan juga," katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Katanya, meskipun Labuan telah beralih ke fasa tiga namun ia bukanlah satu kebebasan dan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) sentiasa dipatuhi bagi memastikan keselamatan pelanggannya dan warga Labuan.

Dalam pada itu, bagi **Rosnani Samsudin**, 49, yang juga peniaga kedai makanan di Anjung Ketam Tanjung Aru berkata, peralihan PPN merupakan satu peluang

kepadanya mengembalikan operasi perniagaan dan mengukuhkan ekonominya serta para pekerja yang sekian lama terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

Katanya, peralihan Fasa Tiga yang turut membentarkan '*dine-in*' memberikan kesan positif kepadanya kerana dapat meningkatkan lagi hasil pendapatan perniagaan yang mana sebelum ini keadaannya agak suram tanpa pengunjung.

"Sebelum ini, saya terpaksa tutup perniagaan dan seterusnya tidak dapat memberikan sumber pendapatan kepada pekerja malah saya juga terpaksa mencari inisiatif lain untuk mendapatkan pendapatan bagi meneruskan kehidupan sehari-hari."

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana diberikan peluang membuka kembali perniagaan yang agak lama



RESTORAN Warisan merupakan restoran yang menghidangkan masakan melayu menjadi tumpuan orang ramai.

terpaksa ditutup akibat COVID-19. Dengan peralihan fasa ini, kami kembali berniaga dan ia turut memberikan manfaat kepada pekerja saya yang sebelum ini tidak mempunyai sumber pendapatan," katanya.

Sementara itu, hasil tinjauan *Wilayahku* mendapati orang awam turut menzahirkan rasa gembira kerana peralihan yang diumumkan itu.

Pesara swasta, **Simor Daud**, 63, menyifatkan peralihan PPN sebagai langkah terbaik dalam membantu rakyat khususnya kepada golongan peniaga yang sekian lama hilang sumber pendapatan ketika tempoh PKP 3.0 lalu.

Menurutnya, dari segi ekonomi iaitu pembukaan beberapa sektor dan kelonggaran sebahagian SOP, sudah tentunya memberikan manfaat kepada peniaga, pekerja

dan warga di Labuan.

Jelasnya, sebelum ini ada dalam kalangan mereka terpaksa tutup perniagaan dan pekerja mereka terpaksa cuti tanpa gaji sepanjang tempoh itu.

"Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan Labuan beralih kepada Fasa Tiga yang mana beberapa SOP telah dilonggarkan seperti '*dine-in*', pembukaan perniagaan dan sebagainya."

"Walaupun kita sudah beralih ke Fasa Tiga, namun sebagai warga Labuan jangan sesekali mengabaikan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan kita seharusnya menghargai peluang ini serta menggunakan dengan sebaiknya demi memastikan Labuan tidak seperti dahulu yang mana setiap hari mencatatkan peningkatan kes yang mendadak," katanya. **WK**

Sukarelawan berpeluang menyelami kehidupan kelompok yang susah dan terjejas

Sertai PriVo untuk bantu rakyat - Ajjrina

DARI MUKA DEPAN

HAZIRAH HALIM

MENJADI sukarelawan ketika pandemik COVID-19 sedang memuncak memerlukan semangat yang tinggi

serta mental yang kuat supaya ketakutan terhadap jangkitan virus dapat diketepikan demi mereka yang memerlukan bantuan sekali gus menyelamatkan kehidupan rakyat sepanjang era pandemik ini.

Menerusi Sukarelawan Prihatin (PriVo), peluang mencurah bakti ketika negara memerlukan khidmat disambut dengan penuh semangat meskipun turut khawatir dengan keadaan yang mampu memudaratakan dirinya.

Sebagai peserta PriVo, Ajjrina



AJJRINA



AJJRINA menyerahkan bantuan kepada salah seorang penerima semasa mengikuti Program Jejak Prihatin.

Annuar, 34, perlu menyantuni pelbagai lapisan masyarakat yang terkesan dengan pandemik termasuk kesihatan dan keselamatan diri bagi mengelakkan diri menjadi penyebab kepada penularan wabak kepada orang lain.

"Ini adalah pengalaman pertama saya, ada perasaan teruja

untuk membantu rakyat selain berpeluang melihat sendiri kehidupan mereka yang terkesan secara langsung seperti ibu tunggal dan warga emas yang terlantar sakit di rumah, wanita yang kehilangan pekerjaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Situasi seperti itu menggamt

perasaan hiba kerana kesukaran yang dialami telah mengubah kehidupan mereka," katanya kepada Wilayahku pada Ahad.

Menurut Ajjrina, sebagai anak muda yang banyak mendapat manfaat daripada negara, dia merasakan negara amat memerlukan tenaga golongan muda untuk bersama-sama membangunkan semula negara.

"Keadaan ini sangat menginsafkan, malah lebih menakutkan apabila mendengar banyak kematian dan jangkitan berlaku setiap hari. Disebabkan itu, saya merasakan negara memerlukan kita hari ini untuk membantu masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan yang lain," katanya.

Bercerita lanjut tentang pengalamannya menyertai PriVo, Ajjrina memberitahu, dia bermula dengan menyertai pasukan Jejak Prihatin mencari serta meninjau penduduk miskin di Perumahan Awam (PA) Seri Johor sebelum menyerahkan bantuan seperti bukal

makanan.

"Selain itu, sekiranya mereka memerlukan bantuan yang lain, kami akan membantu dan merujuk masalah mereka kepada agensi yang berkaitan," katanya.


Beliau yang juga anak kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa memberihu, program Jejak Prihatin amat diperlukan buat masa ini kerana ramai di luar sana yang hilang punca pendapatan atau tidak dapat keluar untuk meneruskan perniagaan seperti biasa.

"Jadi apa sahaja yang dilakukan sebagai warga Malaysia misalnya dari segi sumbangan tenaga sebagai sukarelawan, wang ringgit atau makanan. Perkara kecil itu akan memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang.

"Jika anda berpeluang untuk membantu orang diluar sana, pergilah membantu. Ia akan memberi banyak perubahan kerana ramai orang diluar sana yang memerlukan bantuan," katanya. WK



JPWP akan ditubuhkan bagi merangka strategi terbaik untuk membangunkan semula ekonomi di Wilayah Persekutuan.



Jawatankuasa Pemulihan Wilayah Persekutuan diwujudkan

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Wilayah Persekutuan (JPWP) bagi merangka strategi untuk membangunkan semula ekonomi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan selepas mencapai sasaran 80 peratus imuniti berkelompok pada bulan ini.

Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, JPWP ini akan membincangkan mengenai strategi pembangunan Wilayah Persekutuan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekali gus membuka semula sektor ekonomi, sosial dan kebudayaan di kawasan tersebut.

"Pada waktu ini, tahap imunisasi berkelompok di Labuan telah mencapai 80 peratus. Putrajaya sudah mencapai lebih 60 peratus manakala Kuala Lumpur pula menghampiri 70 peratus.

"Kita menjangkakan dalam tempoh dua minggu ini, sasaran tersebut dapat dicapai

dan dapat membuka sektor ekonomi dan sosial," katanya baru-baru ini.

Menurut Annuar, pihaknya menjangkakan akan mempunyai satu pelan pemulihian (*road map*) pada September ini yang berfungsi sebagai panduan untuk pembangunan dan merancakkan semula aktiviti di Kuala Lumpur termasuklah ekonomi, kebudayaan dan sukan.

"Kita juga sedang membuat persiapan termasuk memberi cadangan prosedur operasi standard (SOP) yang akan dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Yang penting saya nak tengok Wilayah Persekutuan sebagai pusat kegiatan ekonomi dan sosial akan kembali ceria mulai bulan kemerdekaan ini.

"Kalau itu dapat berlaku, aktiviti seperti busking dapat dilakukan secara normal dan individu yang telah lengkap vaksin dua dos boleh menjalankan aktiviti ekonomi masing-masing," katanya. WK

JPWP penting untuk bantu kelompok rentan, mulakan dengan ekonomi mikro

NAZWIN NAZRI

PAKAR ekonomi menyambut baik cadangan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Wilayah Persekutuan (JPWP) bagi merangka strategi untuk membangunkan semula ekonomi di ketiga-tiga wilayahnya selepas sasaran 80 peratus imuniti berkelompok dicapai pada bulan ini.

Pakar ekonomi, **Prof Madya Dr Abu Sofian Yaacob** berkata, penubuhan yang lebih awal itu penting bagi membangun dan merangsang semula ekonomi warga kota khususnya mereka yang terjejas pendapatan 100 peratus akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berkata mengenainya, beliau memberitahu, JPWP perlu memberi fokus dan mengutamakan sektor ekonomi yang mikro kerana kelompok penjaja paling terjejas serta kehilangan sumber pendapatan selain berhadapan masalah kesihatan mental.

"Bagaimanapun, ia perlu dilakukan secara teratur serta lebih bersistematik. Kalau boleh sediakan kemudahan untuk mereka seperti bantuan pinjaman dan kaedah pembayaran yang lebih sesuai.

"Bagi menjayakan pemulihan ekonomi penduduk, jawatankuasa ter-

libat juga perlu mengkaji dan meneliti setiap lokaliti sasaran di samping mengetahui sosio-ekonomi yang dijalankan di kawasan setempat," katanya yang turut bersetuju dengan penubuhan itu supaya perancangan dapat dilaksanakan sejurus imuniti kelompok dicapai.

Pada 6 Ogos lalu, Annuar menyuarakan hasrat untuk menubuhkan JPWP bagi membangunkan semula ekonomi di Wilayah Persekutuan selepas sasaran 80 peratus dicapai.

Mengulas lanjut, Abu Sofian memberitahu, kerajaan tidak seharusnya menunggu sasaran imuniti kelompok dicapai semata-mata, sebaliknya sudah merangka strategi yang lebih sesuai untuk membangunkan sektor ekonomi serta sosial penduduk.

Jelas beliau, strategi juga tidak boleh 'dirangkum' kerana ketiga-tiga wilayah berhadapan dengan cabaran yang berbeza terutama faktor muka bumi dan sumber utama pendapatan penduduk.

Mengambil contoh Labuan, beliau memberitahu, lokaliti berkenaan adalah pulau dan sumber utama penduduk adalah daripada tangkapan laut serta sektor pelancongan.

Tambahnya, ia juga perlu diselaraskan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan situasi semasa negara. WK



ABU SOFIAN

Salah faham punca warga asing serbu Rumah Prihatin

AZLAN ZAMBRY

KESESAKAN di Rumah Prihatin@GrandSeasons pada 11 Ogos lalu seperti yang ditularkan berpunca daripada salah faham kononnya pusat pemberian vaksin (PPV) itu menyediakan perkhidmatan vaksinasi tanpa janji temu untuk bukan warganegara.

Menjawab isu berkenaan, pengurusan Rumah Prihatin berkata, pihaknya hanya menerima vaksinasi tanpa janji temu untuk warganegara Malaysia sahaja, dengan keutamaan kepada golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU), kelompok terpinggir dan golongan rentan.

Manakala, katanya, perkhidmatan vaksinasi untuk warga asing secara daftar terus adalah di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bukit Jalil.

"Ekoran daripada salah faham itu, golongan berkecuaan telah datang ke Rumah Prihatin dan mengakibatkan 'rush crowd' yang luar biasa berlaku serta di luar jangkaan pengurusan mahupun penyuatuannya," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Kata kenyataan itu lagi, pada peringkat awal, pihak Rumah Prihatin telah mengambil tindakan ber-



WARGA asing bersesak di PPV RumahPrihatin@GrandSeasons pada Rabu lalu tanpa mematuhi SOP yang ditetapkan.

sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menyuraikan keadaan.

"Warga asing ini tetap tidak mahu bersurai walaupun telah diberikan arahan dan amaran. Keadaan kembali diperbetulkan dengan bantuan PDRM dan DBKL," katanya.

Menurut kenyataan itu, program vaksinasi ini diuruskan oleh Rumah Prihatin di bawah Program Vaksinasi MYMedic@Wilayah dan ia tidak melibatkan mana-mana pihak lain.

"Pihak Rumah Prihatin kesal dengan apa yang terjadi dan akan meningkatkan lagi pematuhan prosedur operasi standard (SOP), dengan bantuan pihak berkuasa bagi memastikan kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

"Kami menegaskan bahawa Rumah Prihatin hanya menerima pendaftaran terus untuk warganegara Malaysia sahaja, dengan keutamaan kepada golongan warga emas, orang kelainan upaya, kelompok terpinggir dan golongan rentan sahaja," katanya.

Terdahulu visual yang berdurasi 7 minit 15 saat yang

tular di media sosial menunjukkan orang ramai sedang beratur dan mengabaikan SOP.

Dalam perkembangan sama, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, **Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya** berkata, pihaknya telah mengambil tindakan segera dengan mengarahkan pasukan pematuhan ke pusat terbabit bagi mengawal keadaan.

"Hebahan dibuat kepada orang ramai yang hadir supaya membuat penjarakan sosial dan memakai pelitup muka sebagaimana SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Pasukan pematuhan berjaya mengawal keadaan sehingga program vaksinasi selesai," katanya dalam satu kenyataan.

Noor Dellhan berkata, pihak polis memohon kerjasama daripada orang ramai supaya terus mematuhi SOP yang dikeluarkan MKN.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan perlanggaran SOP boleh menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi di talian 03-26002222 atau hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-21159999 atau mana-mana balai polis yang berhampiran," katanya. **WK**

DBKL anjur program kibar Jalur Gemilang 2021

BAGI menyemarakkan semangat patriotik dan bulan Kemerdekaan negara dalam suasana pandemik ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan kempen kibarkan Jalur Gemilang.

Menerusi program 'Semarak Merdeka Warga Kota' itu, peserta diminta mengongsikan foto bersama Jalur Gemilang di media sosial bermula 9 Ogos sehingga 31 Ogos nanti.

DBKL menerusi Facebook

rasminya memaklumkan, 64 foto terbaik akan menerima cenderamata istimewa.

"Tiga langkah mudah untuk sertai. Pertama, kongsikan foto bersama Jalur Gemilang di Facebook atau Instagram.

"Kedua, tag tiga rakan dan masukkan tanda pagar #klmerdeka #klbandaruntuksemua #dbkl. Kemudian, 'follow' akaun media sosial rasmi DBKL," katanya. **WK**



SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer0@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com
Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfarq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my

V Kumar Veeran

veeran010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Belum boleh makan di restoran!

SUDAH boleh makan atau *dine in* di kedai makan atau restoran mulai 10 Ogos. Tetapi tidak demikian halnya dengan warga Wilayah Persekutuan, kecuali Labuan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sudah mengumumkan beberapa kelonggaran yang diberi kepada mereka yang telah menerima dua dos lengkap suntikan vaksin Covid. Antaranya kelonggaran perjalanan dan makan (*dine in*) di kedai makan atau restoran.

Dalam suasana Cerita Kedai Kopi, maka yang ingin ditekankan di sini ialah aspek *dine in*. Ini wajar diambil maklum oleh mereka di Wilayah Persekutuan khususnya yang mungkin sudah rindu untuk bersantai dan melepak di kedai makan.

Walau pun kelonggaran sudah diberi, ada had dan sekatannya, bukan untuk seluruh negara. Sebaliknya ia hanya terbuka kepada mereka yang telah menerima suntikan dos kedua di dalam negeri yang berada dalam Fasa 2 dan 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak termasuk kerana masih dalam Fasa 1 PPN. *Dine in* hanya dibenarkan di Wilayah Persekutuan Labuan yang kini dalam Fasa 3. Kerana itu simpanlah dulu keinginan menjamu selera dengan teh tarik atau roti canai sambil bersebambang dengan kawan di Putrajaya atau Kuala Lumpur.

Jika ingin menikmati makanan restoran, teruskan amalan biasa iaitu secara beli bungkus atau *take away*. Sehingga Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur bergerak dari Fasa 1 menuju Fasa 2 dan seterusnya, ini akan terus menjadi rutin harian.

Namun rasanya warga Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur tidak akan menunggu terlalu lama. Ini kerana kedua-duanya dijangka mencapai sasaran imuniti kelompok pada bulan ini apabila sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk menerima suntikan lengkap dua dos vaksin. Sehingga itu bersabarlah.

Apabila tiba waktunya itu, mereka yang sudah sangat rindu untuk *dine in*, penuhilah keinginan anda. Tetapi janganlah melepas dendam melepak dan berlabun di kedai kopitiam bagai tidak mahu balik rumah.

Walau pun kelonggaran diberi, tidaklah perlu sampai melampaui batasan. Cukuplah sekadar sedikit waktu melepaskan kerinduan di restoran. COVID-19 masih tetap ada di sekeliling kita. Jangan dedahkan diri kepada bahaya.

Hotel bajet pusat kuarantin

KHABARNAKA Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA) memohon kerajaan menjadikan hotel bajet seluruh negara sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi pesakit COVID-19 tahap satu hingga tiga.

Memetik Presiden MATA, Datuk Mohd Khalid Harun, langkah ini akan memberi dua manfaat. Pertama menyediakan tempat kuarantin tambahan memandangkan pusat kuarantin sedia ada semakin penuh dan sesak lantaran kes jangkitan harian yang tinggi, terutama di Lembah Klang.

Kedua, ia akan menjadi 'tali hidup' kepada pengusaha hotel bajet yang terkesan teruk akibat perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan sektor pelancongan tidak bergerak. Akibatnya hotel bajet juga terjejas.

MATA juga menyifatkan langkah ini akan dapat membantu menyediakan tempat kuarantin lebih selesa untuk pesakit dalam Kategori 1 dan Kategori 2 COVID-19 dan dikehendaki menjalani kuarantin kendiri di rumah.

Dengan suasana rumah yang kurang kondusif, terutama rumah kecil dan anggota keluarga ramai, bilik tidur serta bilik air terhad dan ruang makan sempit, kuarantin di rumah memang tidak selesa. Malah dibimbangi akan berlaku pelanggaran operasi prosedur standard (SOP) dalam tempoh pengasingan kendiri itu.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sendiri pada waktu ini sudah pun 'mengubah guna' empat hotel mewah di Kuala Lumpur untuk menjadi pusat kuarantin kendiri.

Hotel berkenaan ialah Hotel Royale Chulan, Hotel Tamu, Pusat Belia Antarabangsa Cheras dan Hotel Travelodge City Centre, kesemuanya di Kuala Lumpur.

Cadangan agar hotel bajet dijadikan pusat kuarantin boleh diteliti untuk dilaksanakan, tambahan jika kerajaan merasakan memang ada keperluan menambah tempat kuarantin bagi memenuhi permintaan tinggi khususnya di Lembah Klang.

Langkah itu juga dapat membantu banyak hotel bajet yang kosong selama ini untuk kembali diisi dan aktiviti dihidupkan semula walau pun dalam persekitaran yang lebih terkawal memandangkan penghuninya adalah pesakit COVID-19.



WILAYAH PERSEKUTUAN
**WILAYAH
PRIHATIN**



**Bersama Kita Meraikannya
Dengan Penuh Bermakna,
MERDEKA!**



Bekerja keras tidak salah alamat



DATUK DR BUDIMAN
MOHD ZOHDI

DO Won Chang, pengasas Forever 21 yang tersenarai dalam kalangan 400 orang terkaya di Amerika Syarikat asalnya perantau dari Korea Selatan yang hampir merempat negara orang.

Dia melakukan tiga pekerjaan sehari; pagi menjadi pelayan kedai kopi, petang menjadi atendan pam minyak dan malam sebagai pekerja pembersihan.

Dalam tempoh tiga tahun dia berjaya mengumpulkan AS\$11,000 (RM46,000) dan wang itulah dijadikan modal memulakan perniagaannya yang kini bernilai AS\$3 bilion (RM12.2 bilion).

Ikon usahawan muda Muhammad Azlan Abdullah @ Ali datangnya dari keluarga miskin tegar.

Dia bersama 15 adik beradiknya dibesarkan dalam keadaan serba kurang. Dengan berbekalkan RM1.30 dia meninggalkan rumah untuk mencari penghidupan dengan niat mengubah nasib keluarganya.

Sebelum berjaya dan mencapai status jutawan pada usia muda, dia bekerja keras termasuk menjadi pengutip sampah.

Kisahnya boleh diikuti dalam bukunya 'Rahsia Pengutip Sampah Jadi Jutawan'.

Seawal usia lapan bulan Lee Thiam Wah sudah hilang keupayaan menggunakan kaki akibat diserang penyakit polo.

Dia membesar di atas kerusi roda, tanpa berpeluang menikmati kehidupan seperti sembilan adik-beradiknya dan kawan-kawan sebaya.

Keadaannya yang kurang upaya menyebabkan dia terpaksa berhenti sekolah di peringkat rendah sahaja. Namun hasratnya untuk berjaya tidak pernah pudar.

Dia mula mencari rezeki sendiri dengan membuka gerai menjual makanan ringan berdekatan rumahnya.

Wang yang diperolehi dikumpul dan pada usia 23 tahun dia telah berjaya membuka sebuah kedai runcit. Beberapa tahun kemudian dia menjual kedai runcit itu dan mengasaskan Pasar Mini 99.

Nama itu kemudian ditukar kepada 99 Speedmart dan pasar mini itu kini mempunyai lebih 1,000 cawangan di seluruh negara dengan hasil jualan pada tahun 2018 melebihi RM3.5 bilion.

Saya pernah mencatatkan di ruangan ini suatu ketika dahulu kisah kejayaan 'Raja Burger' Datuk Ramly Mokni pengasas Ramly

“ Saya lebih suka menganjurkan supaya setiap orang mencari sekurang-kurangnya empat bentuk pendapatan dalam setahun. Pertama, pendapatan harian, kedua, pendapatan mingguan, ketiga, pendapatan bulanan dan keempat, pendapatan tahunan. ”

Burger, anak Tanjung Piandang yang mengikut abangnya merantau ke Sekinchan untuk bekerja sebagai buruh sebelum merantau lagi ke Kuala Lumpur.

Di bandar raya inilah nasibnya kian berubah. Bermula sebagai pemotong daging, dia kemudian memulakan perniagaan burger di tepi jalan.

Dan kini, anda hanya perlu melakukan carian ringkas di Google untuk mengetahui betapa hebatnya pencapaian usahawan berjaya ini. Kilang pemprosesannya di Pulau Indah saja bernilai RM1 bilion!

Semua kisah-kisah itu adalah tentang 'kerja keras', satu formula yang diwarisi zaman berzaman untuk mengubah nasib manusia, dari susah menjadi senang, dari miskin menjadi kaya, malah dari apapun menjadi apapun yang lain.

Formula itu telah teruji dan terbukti keberkesannya. Ia berada di atas segala formula atau sub-formula lain. Modal yang banyak, peluang yang terbuka, pendidikan tinggi, dan apa sahaja seumpamanya tidak akan membawa seseorang itu ke mana-mana tanpa kerja keras.

Tetapi persoalannya tetap ada. Akan ada yang bertanya kenapa ada orang yang kuat bekerja tetapi masih tetap miskin? Apa yang sebenarnya tidak kena?

Saya akui, kes-kes sedemikian juga sangat banyak.

Ada ketua isi rumah miskin tegar yang keluar pagi dan bekerja lebih masa sehingga lewat malam bagi menambah pendapatan keluarga.

Ada yang melakukan dua tiga kerja sehari, juga dengan tujuan yang sama. Tetapi pada penghujungnya mereka mendapat kehidupan mereka tidak banyak berubah.

Mungkin agak senang sedikit, namun tidaklah sampai ke peringkat melayukkan mereka bersenang-senang.

Pendapatan yang diperolehi hasil kerja keras mereka hanya cukup untuk menampung keperluan keluarga dan jarang bersisa untuk disimpan.

Pakar-pakar motivasi sering



Ikon usahawan muda Muhammad Azlan Abdullah @ Ali datangnya dari keluarga miskin tegar, kerana kerja keras beliau kini bergelar jutawan.

menggunakan 'work smart not hard' sebagai tips utama untuk keluar dari keadaan itu. Ia memang betul.

Tetapi untuk kelendan lori, pemotong rumput, tukang cuci pinggan kedai makan dan kebanyakan pekerjaan lain seumpamanya tidak banyak 'smart' yang boleh dipraktikkan.

Dapatkan daripada pelbagai kajian pula sering mengaitkan kemiskinan dengan kelemahan dalam pengurusan pendapatan (kewangan) dan kegagalan merancang masa hadapan.

Ia juga betul. Tetapi kaedah mengatasinya bagaimana?

Dengan persekitaran yang tidak membantu, pendapatan dan keperluan yang tidak menentu, tidak mudah untuk sesiapa pun menguruskan wang ringgitnya.

Kepada golongan yang bekerja kuat tetapi nasib belum berubah itu saya sarankan supaya bekerja keras merancang pendapatan kerana selepas ada pendapatan barulah ada wang, dan selepas ada wang barulah boleh bercakap tentang pengurusan kewangan.

Dalam hal ini perkara pertama yang perlu dilakukan adalah mengelak daripada terlalu bergantung pada satu sumber.

Pergantungan pada satu sumber banyak mudaratnya. Contoh yang nyata boleh dilihat ketika negara dilanda pandemik seperti sekarang.

Tidak sedikit yang terkapai-kapai apabila tiba-tiba hilang pekerjaan, dan tentunya tidak mudah mencari sumber pendapatan baharu dalam keadaan semua sektor sedang berdepan dengan masalah.

Saya lebih suka menganjurkan supaya setiap orang mencari sekurang-kurangnya empat bentuk pendapatan dalam setahun. Pertama, pendapatan harian, kedua, pendapatan mingguan, ketiga, pendapatan bulanan dan keempat, pendapatan tahunan.

Selepas itu barulah anda

tentukan langkah bagaimanakah perlu diambil untuk membolehkan anda mencapai sasaran tersebut.

Saya berikan contoh mudah. Katakanlah anda seorang pekerja bersih-bersih yang gaji bulanannya pada paras gaji minima RM1200, erti dia pendapatan bulanan anda sudah ada.

Untuk mendapatkan pendapatan harian anda boleh berpapak dengan isteri menyiapkan nasi lemak bungkus untuk diantar ke gerai-gerai berdekatan rumah.

Pada hujung minggu gunakan masa rehat anda untuk mengumpul bahan-bahan terpakai dan terbuang untuk dijual di pusat kitar semula. Lakukan setiap minggu.

Sampai di peringkat itu anda telah mempunyai tiga jenis pendapatan; harian, mingguan dan bulanan.

Disiplinkan diri untuk menyimpan sebahagian daripada setiap pendapatan itu mengikut kesesuaianya.

Jangan simpan dalam tabung, ia tidak menguntungkan.

Simpanlah di Amanah Saham Nasional atau mana-mana saham amanah lain, yang menjanjikan dividen yang berpatutan.

Setiap tahun sudah tentu ada pulangan daripada simpanan anda itu, bermakna anda telah mempunyai pendapatan tahunan.

Masalah pada ramai orang ialah apabila dia mempunyai lebih banyak sumber pendapatan, kecenderungan untuk berbelanja besar pun datang.

Dengan tiba-tiba perkara yang tidak perlu

bertukar menjadi perlu. Ada yang menyebut sebagai budaya tukar hand phone dan sport rim. Jauhi perangai itu.

Apa yang perlu anda lakukan adalah bekerja keras memastikan tiga sumber pendapatan utama anda - harian, mingguan dan bulanan terjaga elok.

Jika pendapatan bulanan berkeadaan tepu tanpa anjakan kenaikan gaji, fokus pada usaha menambahkan pendapatan harian dan mingguan.

Setelah itu disiplinkan diri bagi memastikan setiap bulan sejumlah wang disimpan dalam saham-saham amanah demi memastikan pendapatan tahunan anda tidak terjejas, malah bertambah.

Anda hanya perlu melakukan perkara ini dengan konsisten. Tiada jalan pintas untuk berjaya.

Hasil kerja adalah dari usaha kerja kuat. InsyaAllah anda hanya perlukan masa masa tujuh atau lapan tahun sahaja sebelum muncul sebagai orang yang berbeza.

Orang yang kisahnya akan turut sama merangsang orang lain untuk berjaya.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan

SAJAK

MEREKALAH...

Mereka melemparkan belati-belati itu kedada dan muka murba

Mereka juga seperti naga-naga dari pergunungan yang mengeluarkan api membakar jambatan amanah,

Mereka tak perlu lagi kata-kata dan syair pujangga sebagai mentera merekalah yang lebih hebat kononnya dari Tok Janggut dan Maharaja Lela dan lebih bijak dari Hang Tuah...

Mereka hanya mampu menikam belati-belati ke daerah jantung jelata mereka yang mampu mereguk airmata menghisap hanyir darah, Umpama Dracula yang bertubuh manusia dikala fajar menyising hari

Merekalah... yang membakar rimba di tanah leluhur bara sengsara itulah yang mengeringkan airmata yang berkrun.

Mamu MK Hasny
Anjung Karyawan Lekir

t.me/wilayahku



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

Pelan pasca PKP Wilayah Persekutuan

WILAYAH Persekutuan (WP) dijangka mencapai sasaran imuniti kelompok atau *herd community* bulan ini apabila sekurangnya-kurangnya 80 peratus warganya menerima dua dos suntikan lengkap vaksin COVID-19.

Labuan sudah mencapainya, tinggal Kuala Lumpur dan Putrajaya yang masing-masing sudah mencapai tahap 70 peratus dan 60 peratus suntikan dos kedua.

Namun Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang sentiasa pro aktif, sudah merancang langkah susulan untuk dilaksanakan setelah imuniti kelompok dicapai.

Harapannya menjelang September sudah ada hala tuju atau *road map* untuk menghidup dan menyegarkan kembali WP yang kini agak suram berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebaik sahaja warga Putrajaya dan Kuala Lumpur lengkap mendapat dua dos suntikan, WP bakal bergerak ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pelbagai sektor yang aktivitinya ditutup atau terhad, akan aktif semula. Secara perlahan WP akan kembali kepada cara kehidupan seperti sebelum pandemik melanda.

Ke arah ini, Annuar mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Pasca PKP Wilayah Persekutuan bertujuan membincangkan strategi pasca PKP sebaik imuniti kelompok dicapai.

Antara lain Adi difahamkan, jawatankuasa ini akan merangka operasi prosedur standard (SOP) yang difikirkan sesuai untuk warga Wilayah Persekutuan bagi dipanjangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dengan itu juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya sebagai pusat ekonomi, sosial dan kebudayaan akan kembali ceria menjelang hari ulang tahun kemerdekaan 31 Ogos dan seterusnya.

Namun sementara ini berita gembira, Adi berharap 'kebebasan' yang bakal dinikmati oleh Wilayah Persekutuan nanti tidak akan mengalpakan warganya untuk terus patuh kepada operasi prosedur standard (SOP). Ini kerana mendapat dos kedua bukan bererti sudah bebas sepenuhnya daripada COVID-19.

Ancaman COVID-19 tetap ada. Sekali pun suntikan vaksin menjadi pendinding, usah terlalu gembira berlebihan seolah-olah sudah kebal. Sudah berlaku kes di negara ini di mana mereka yang sudah mendapat suntikan dos kedua masih dijangkiti.

Oleh kerana itulah amalan kesihatan yang baik yang selama ini diperaktikkan perlu diteruskan. Misalnya memakai pelitup



SEBAIK sahaja warga Putrajaya dan Kuala Lumpur lengkap mendapat dua dos suntikan, WP bakal bergerak ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

muka, mengamalkan penjarakan fizikal serta kerap membasuh tangan dengan sabun atau sanitizer.

Adi harap kelonggaran yang bertujuan menggembirakan warga Wilayah Persekutuan tidak menjadi sebaliknya. Gunakanlah ia dengan sebaik-baiknya dan berpada-pada.

Sentiasalah patuhi SOP. Ingatlah walau pun sudah 80 peratus warga Wilayah Persekutuan menerima dos kedua, ada 20 peratus lagi yang belum menerima suntikan berkenaan. Berwaspadalah jangan sampai menjangkiti atau dijangkiti kelompok ini. Ingat sebelum kena.

REZEKI PENGUSAHA VAN PELANCONG

KEPUTUSAN kerajaan untuk mengubah suai 100 van pelancong menjadi ambulans bagi membantu kes-kes kecemasan

terutama di Lembah Klang adalah langkah tepat, sesuai dengan suasana dan keperluan semasa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika mengumumkannya baru-baru ini memberitahu, ia akan dilaksanakan di bawah Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley dan bakal memberi manfaat serampang dua mata, iaitu kepada kerajaan dan pemilik atau pengusaha van pelancong.

Dengan kes jangkitan harian COVID-19 masih tinggi dan keperluan untuk ambulans membawa pesakit ke hospital semakin mendesak, Adi menyifatkan langkah mengubah suai van pelancong dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan ambulans.

Seperti ditegaskan oleh Ismail Sabri, langkah ini dibuat dengan mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 negara, selain aduan mengenai

MAKLUMAN AWAM

BANTUAN KHAS PENGURUSAN KEMATIAN COVID-19

SETAKAT 6 OGOS 2021

PERMOHONAN		
3,018 diterima	590 sedang diproses	567 dalam padanan data dengan KKM
DOKUMEN DIPERLUKAN		
<ul style="list-style-type: none"> Borang bagi bantuan ini mestilah dengan lengkap & disahkan hospital yang memaklumkan kematiian berkaitan COVID-19 Salinan sijil kematiian / dokumen perakuan kematiian seperti permit menguburkan Salinan had pengesahan pemohon Salinan had pengesahan si mati Salinan muka depan penyata bank / buku akaun bank yang masih aktif 		
<p>DAPATKAN BORANG & MAKLUMAN LANJUT DI</p> <p>www.nadma.gov.my/ms/bantuan-khas/bantuan-khas-pengurusan-kematian-covid-19</p>		

NADMA - Agenzia Pengurusan Bencana Negara
Sumber: Ketua Pengarah NADMA, Datuk Dr Aminuddin Hassim
Diterbitkan: 8 Ogos 2021
Infografik Bernama

“Adi harap kelonggaran yang bertujuan menggembirakan warga Wilayah Persekutuan tidak menjadi sebaliknya. Gunakanlah ia dengan sebaik-baiknya dan berpada-pada.

kelewatan ambulans mengambil pesakit di rumah yang mengalami masalah seperti sesak nafas dan memerlukan bantuan segera.

Seperi ramai maklum, Lembah Klang ialah kawasan yang mencatatkan jumlah jangkitan harian COVID-19 tertinggi berbanding tempat lain. Justeru kerap berlaku di mana perkhidmatan ambulans sukar diperoleh, atau mengambil masa lama untuk sampai disebabkan permintaan tinggi.

Dalam situasi kecemasan pastinya ini boleh membahayakan pesakit. Justeru Adi ucapan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil langkah proaktif menggunakan apa juga sumber yang ada untuk digerakkan bagi menghadapi ancaman COVID-19.

Diharapkan dengan pertambahan 100 ambulans van pelancong ini akan memberi kelegaan kepada bebanan berat yang terpaksa dipikul oleh pihak hospital atau jabatan kesihatan dalam menyangut panggilan pesakit yang memerlukan khidmat ambulans.

Serentak itu secara tidak langsung ia merupakan rahmat dan rezeki kepada pengusaha van pelancong yang kini tertekan dan sukar menjalani kehidupan akibat hilang pendapatan lantaran tempas COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dengan sektor pelancongan masih ditutup dan kemasukan pelancong asing juga tidak dibenarkan akibat pelaksanaan PKP yang menghalang pergerakan rentas daerah dan negeri, industri pelancongan sangat terjejas.

Walau pun Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Ogos sudah mengumumkan kelonggaran perjalanan bagi penerima vaksin dos lengkap, ia hanya terhad kepada sesama negeri yang dalam Fasa 2 dan Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Rentas negeri belum dibenarkan kecuali pasangan jarak jauh dan ibu bapa yang hendak bertemu anak di bawah umur 18 tahun.

Justeru mereka yang terlibat dalam industri pelancongan melalui suasana suram, termasuk pengusaha syarikat pelancongan, pemilik destinasi pelancongan, hotel, calet dan rumah inap desa atau homestay.

Pengusaha van pelancong juga tidak terkecuali. Aktiviti membawa pelancong seperti kebiasaannya tidak dapat dilakukan. Van tersimpan tidak

digunakan sedangkan bayaran bulanan dan insuran serta cukai jalan tetap perlu dibayar.

Pada Adi, di sinilah signifikannya tindakan yang diambil oleh kerajaan. Pada satu pihak ia mengurangkan masalah kekurangan ambulans dan di pihak lain memberi tali hayat kepada syarikat atau pemilik van pelancong.

Bukan sahaja van-van ini dapat digerakkan kembali, malah ia juga memberi peluang kepada pemandu van pelancong untuk kembali bertugas dan memperoleh pendapatan. Adi percaya kerajaan akan memberi keutamaan kepada mereka menjadi pemandu ambulans pula.

Adi faham van pelancong berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Kerana itu bagi tujuan mengubah suai van menjadi ambulans, rundingan akan diadakan dengan kementerian berkenaan. Adi percaya untuk tujuan yang baik semua urusan rundingan dapat dilakukan dengan lancar.

Berhubung bayaran kepada pengusaha van pelancong ini, Adi difahamkan semua terma dan syarat juga akan dirundingkan dengan MOTAC dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Adi percaya langkah kerajaan ini dapat membantu usaha mengekang penularan COVID-19 dan membolehkan pesakit mendapatkan rawatan lebih segera dan berkesan. Pada masa sama ia memberi kegembiraan kepada pengusaha van pelancong. Alangkah baiknya, rezeki sama dirasa.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

KOTA SEBELUM PAGI

Sebelum pagi,
perlumbaan bermula
kudrat berdiri
akal pun berlari
menjadi api.

Sebelum pagi
kelam masih tidur
mereka memecut
mengejar peribadi.

Sebelum pagi
penamat telah penuh
garis terpadam
dan kelam menjadi siang.

Sebelum pagi
segalanya bertemu
rindu, setia
dan sebakul harapan.

Solihin Osman

Tiga adik-beradik yatim piatu hilang kasih ibu dan bapa

YWP sumbang bantuan mangsa COVID-19

AINI MAWAWI

TIGA orang adik-beradik mengakui terpaksa akur dengan ketentuan takdir apabila kedua-dua ibu bapa kesayangan meninggal dunia akibat wabak COVID-19, baru-baru ini.

Simpati dengan kejadian menyayat hati itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menyampaikan sumbangan kepada adik-beradik tersebut di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Zaizalnizam Zainun**, pihak YWP memperoleh maklumat daripada pihak sekolah anak bongsu pasangan yang meninggal dunia tersebut dan serta merta mengambil maklum hal berkenaan.

"Selain menyampaikan sedikit sumbangan kepada mangsa, pihak



ZAIZALNIZAM

YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

YWP juga tidak ketinggalan menitipkan kata-kata semangat kepada mereka agar tabah dalam menempuh kehidupan mendatang.

"Kita harap adik-beradik ini dapat meneruskan kehidupan terutama sekali dalam pendidikan dan YWP dapat terus membantu adik-beradik ini," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, jika masih memerlukan sebarang bantuan, mereka boleh berhubung terus dengan RumahPrihatin@ GrandSeasons yang diilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa dan pentadbirannya, YWP.

Program RumahPrihatin@ GrandSeasons merupakan satu



ZAIZALNIZAM (kiri) menyampaikan sumbangan kepada adik-beradik yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 baru-baru ini.

inisiatif yang berkoncepkan hotel kebaikan untuk rakyat terkesan akibat COVID-19 khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan seperti golongan miskin bandar dan yang menghadapi tekanan kesihatan mental.

Sementara itu, menurut kakak sulung adik-beradik tersebut, **Cindy**

Puspita Sari Samsukirno, 25, dia masih terkejut dengan kejadian sedih yang menimpa keluarga mereka namun berjanji akan menuaikan amanah ibu dan bapanya untuk menjaga kebaikan adik-beradiknya.

"Saya akan menjaga dan memastikan mereka berjaya dalam pelajaran. Biarpun kehidupan

Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



kami cukup sahaja namun saya percaya hanya pelajaran sahaja yang dapat menjamin masa hadapan," ujarnya yang menggesa masyarakat untuk memastikan diri divaksin bagi menghalang jangkitan teruk di paru-paru.

Dia yang bekerja sebagai pembantu kedai mengakui kehidupan di saat pandemik COVID-19 agak mencabar dan perit lebih-lebih lagi dia sendiri tidak dapat bekerja sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Gaji hanya dibayar separuh semestara suami pula baru mula bekerja setelah sekian lama duduk di rumah sejak PKP. Walau bagaimanapun saya tahu semua orang juga turut merasakan kesusahan," ujarnya kepada Wilayahku. **WK**

FRIM sedia bantu PBT urus hutan bandar

PENANAMAN pokok di kawasan bandar terutama tepi-tepi jalan semestinya akan memberi impak selesa dan redup selain membantu keseimbangan ekosistem setempat.

Namun, ia perlulah diurus dan diselenggara dengan baik bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku, seperti beberapa kemalangan maut akibat dihempap pokok tumbang.

Menyedari keadaan yang berlaku itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menyatakan pihaknya bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini bagi mengurus serta berkongsi kepakaran tentang pembangunan hutan bandar.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Dr Noor Azlin Yahya

berkata, pengurusan hutan bandar penting bagi mengelakkan pelbagai kesan alam atau bencana seperti pokok tumbang yang merisikokan penduduk.

Malah katanya, langkah itu juga bertujuan untuk memastikan kesimbangan dan biodiversiti di kawasan bandar tercapai.

Berkata mengeninya, beliau memberitahu, menerusi tim arboris yang terdiri daripada pakar agroteknologi, pihak PBT dapat mengenal pasti jenis tumbuhan yang bersesuaian ditanam di sesuatu kawasan selain mempraktikkan penjagaan yang betul.

"FRIM ada membantu PBT yang mempunyai kawasan yang agak luas untuk ditanam atau dijadikan sebagai hutan.

"Kita amat berharap PBT dapat adakan banyak kawasan-kawasan yang baik untuk kita jadikan unsur-unsur kepada hutan di kawasan itu," katanya menerusi Program Ruang Bicara terbitan Bernama TV, baru-baru ini.

Noor Azlin berkata, pengurusan hutan bukan hanya sebagai sumber pendapatan, tetapi ia merupakan ekosistem yang sangat penting untuk penjagaan sistem ekologi.

"Sekarang kita banyak bincang mengenai perubahan iklim. Kita tahu pokok memang banyak manfaatnya kepada manusia yang mana akarnya menjadi kawasan untuk menahan banjir seperti banjir kilat.

"Jadi kita perlu melihat kepada fungsi hutan itu sendiri. Bagaimana



KERETA ranap akibat dihempap pokok tumbang di hadapan Muzium Negara pada 27 Mei lalu.

cara untuk bawa hutan ke kawasan bandar sekali gus membawa semua manfaat ekologinya," jelas beliau.

Pertengahan tahun ini, media melaporkan beberapa insiden maut dan kerosakan harta benda berlaku

di ibu negara yang berpunca daripada ditimpak pokok tumbang.

Kejadian tersebut berlaku disebabkan beberapa kawasan di Kuala Lumpur dilanda hujan serta ribut. **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE	26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE	26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE	12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE	26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Esekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

WK niaga (tidak lebih 20 patah perkataan) **RM10**

Panorama Putrajaya lebih indah sempena Bulan Kemerdekaan



AINI MAWAWI

Foto: Perbadanan Putrajaya

MENGINJAK ke bulan Ogos, sudah pastinya kita mulai merasai kemeriahannya sambutan ulang tahun kemerdekaan Negara yang jatuh pada tanggal 31 Ogos setiap tahun. Malah, detik bersejarah tersebut sering diraikan secara gilang gemilang pada tahun-tahun sebelumnya.

Namun sejak negara dilanda pandemik COVID-19, suasana sambutan tidak lagi diraikan secara terbuka lebih-lebih lagi apabila kita masih lagi berada dalam suau-sana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Biarpun begitu, ia tidaklah bermakna sambutan peristiwa penting tersebut dibiarkan sepi. Pelbagai inisiatif turut dilakukan bagi memastikan ia tetap diraikan dengan penuh kemeriahahan.

Di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya misalnya, Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil dengan Program Pencahayaan Malam Putrajaya dihiasi lampu berwarna merah, biru dan kuning yang melambangkan bendera

Malaysia.

Keindahan pencahayaan tersebut mewarnai fasad bangunan, jambatan, air pancut dan struktur di Putrajaya bermula 7 Ogos hingga 16 September 2021 bermula pukul 7 petang hingga 12 tengah malam.

Terdapat tiga kategori pencahayaan fasad bangunan di Putrajaya iaitu menggunakan sistem lampu diod pemancar cahaya (LED) bertukar warna, *external to festive light* (warm white) dan *internal lighting*.

Antara bangunan yang terlibat bagi kategori lampu LED bertukar warna adalah Bangunan Perdana Putra, Kementerian Komunikasi Dan Multimedia, Hotel Zenith, Jambatan Seri Wawasan, Jambatan Seri Saujana serta air pancut Putrajaya.

Manakala *external to festive light* (warm white) adalah seperti Perbadanan Putrajaya, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Kewangan, Menara Usahawan, Istana Kehakiman, dan sebagainya.

Bagi *internal lighting* iaitu pencahayaan dari dalam bangunan dan tidak dipancarkan pada permukaan luar bangunan adalah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Putrajaya International Convention Centre (PICC). WK



KEINDAHAN
pencahayaan
lampu
sempena Bulan
Kemerdekaan.

Tembakan Meriam Istiadat sempena sambutan Hari Kebangsaan

SEMPENA sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mengadakan Tembakan Meriam Istiadat semasa raptai dan pada hari sambutan di Dataran Pahlawan Putrajaya.

Memetik kenyataan Unit Pengurusan Acara, Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), acara raptai penuh bakal diadakan pada 29 Ogos 2021 (Ahad).

"Sesi raptai akan diadakan pada pukul 8 pagi di Promenade (Sisiran Tasik), Presint 1, Putrajaya yang melibatkan dua das tembakan," ujar kenyataan itu.

Sementara itu, bagi sesi hari sambutan pada 31 Ogos 2021 (Selasa) pula, acara akan diadakan pada pukul 8 pagi bertempat di Promenade (Sisiran Tasik), Presint



PEJABAT KESIHATAN WP PUTRAJAYA
PUSAT PENILAIAN
COVID-19
COVID-19 ASSESSMENT CENTRE (CAC)

Waktu operasi: **8.00 pagi - 5.00 petang**
 (Isnin hingga Ahad)

Dewan Serbaguna Presint 8, Putrajaya

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:

Bilik Gerakan CAC : 013-6845 290 Email : cacpkpj@moh.gov.my



**Dr. Khadher
Ahmad**

MAAL Hijrah tiba lagi. Kini dalam versi pandemik yang belum pernah dialami oleh umat Islam sejak awal kurun ke-20 Masihi.

Mungkinkah ada sisi pengajaran yang boleh kita telusuri dan teladani dari peristiwa terpenting dalam sirah Rasulullah SAW ini untuk kita sama-sama tangani bahana pandemik COVID-19?

Melihat kepada pelaksanaan hijrah Nabi SAW, ia berlaku bukan secara spontan, tetapi dilakukan oleh Nabi SAW dengan penuh strategi sekalipun baginda akur dengan kesukaran dan kepayahan yang ada pada ketika itu dalam menghadapi golongan musyrikin Mekah.

Ketika itu, suasana adalah sangat tegang kerana boleh dikatakan bahawa perintah Allah SWT agar Nabi SAW dan kaum Muslim berhijrah setelah kemuncak kepada penentangan golongan tersebut kepada orang-orang Islam.

Selepas tindakan mereka yang memulakan orang-orang Islam gagal, menyeka dengan pelbagai seksaan agar orang-orang Islam kembali kepada kekufturan juga gagal, merampas harta-harta orang Islam juga gagal, penghinaan kepada Nabi SAW juga gagal sehingga timbul rancangan mereka yang terbesar untuk membunuh Nabi SAW.

Dalam erti kata bahawa ketika itu, Nabi SAW dan umat Islam berada pada kondisi yang serba kepayahan. Namun, bukan bermakna Nabi SAW akur, tetapi baginda telah pun menyusun strategi yang jelas bagi menjayakan misi hijrah ke Madinah.

Iktibar daripada situasi kepayahan ini, sebenarnya boleh dikaitkan dengan kesukaran dan kepayahan yang kita hadapi ketika pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia kini.

Sekalipun tidak boleh untuk disamakan seratus peratus, namun pengajaran daripada kejayaan dalam misi hijrah tersebut adalah berdasarkan perancangan dan strategi yang jelas yang telah diaturkan oleh

Telusuri kisah hijrah bantu tangani pandemik COVID-19



KEJAYAAN hijrah tidak datang secara spontan, tetapi dipenuhi dengan strategi, kerjasama dan pengorbanan.

Nabi SAW.

Jadi, sewajarnya kerajaan yang memimpin perlu pastikan bahawa negara mempunyai perancangan yang teliti, berstrategi dan mengambil ia sebagai suatu yang serius dalam menangani pandemik ini khususnya dalam memastikan bahawa masyarakat selamat serta dapat mengurangkan jangkitan yang tinggi dalam kalangan komuniti dan juga para pekerja di sektor perkilangan.

Ini kerana, pertengahan Julai 2021, menyaksikan bahawa kadar jangkitan baharu harian telah mencecah melebih 11 ribu kes, dan yang tertinggi adalah pada 25 Julai 2021 iaitu sebanyak 17,045 kes baharu dan telah mencapai 1 juta lebih bagi jumlah keseluruhan kes.

Tidak dinafikah bahawa telah ada pelbagai usaha dan strategi yang dirangka, tetapi yang penting juga adalah untuk memastikan bahawa strategi tersebut dapat berjalan dengan baik dan dapat diadaptasi langsung bagi untuk semua pihak.

Saling menyalahkan antara satu pihak dengan pihak yang lain, bukan merupakan satu tindakan yang bijak dalam

menangani pandemik ini.

Oleh sebab itu, dalam merangka strategi menghadapi pandemik ini, semua pihak perlu dilibatkan daripada semua kementerian bukan hanya pada aspek kesihatan dan keselamatan sahaja.

Sedangkan kesan pandemik terhadap masyarakat melibatkan aspek ekonomi yang melibatkan pendapatan, hilang pekerjaan, aspek sosial yang memberi kesan kepada psikologi, stress melampau, aspek pendidikan, aspek undang-undang dan sebagainya lagi.

Oleh itu, pentingnya sebuah kerajaan atau pemerintah yang mempunyai strategi yang baik dan bagus dalam menangani pandemik ini.

Apa pun dirasakan bahawa usaha tersebut telah dilakukan dengan sehabis baik berdasarkan kepada kepakaran dan kemampuan yang ada.

Bahkan, jangan sesekali mempolitikkan pandemik ini untuk kepentingan diri atau kumpulan yang didukung.

Kejayaan hijrah Nabi SAW juga adalah berdasarkan kepada kerjasama yang baik dari kalangan golongan Muhajirin yang berhijrah dengan Nabi

SAW.

Para Sahabat memahami dan mengikut perancangan yang telah dilakukan.

Bahkan, Nabi SAW meminta agar para Sahabat berhijrah dahulu sebelum Nabi SAW dan Abu Bakar mengikuti di belakang, Nabi SAW dan Abu Bakar RA minta bantuan seorang Yahudi penggembala kambing untuk menjadi pemandu bagi melalui laluan yang jarang digunakan untuk keluar berhijrah, di samping memadam bekas tapak kaki yang menjadi laluan, sehingga kemudianya baginda SAW bersama rombongan tiba di Quba.

Di Quba', Nabi SAW membangunkan Masjid Quba' dan bermalam beberapa hari di sini sebelum masuk ke kota Madinah.

Seumur perancangan tersebut mendapat kerjasama penuh daripada semua pihak yang bersama-sama dengan Baginda SAW.

Oleh yang demikian, dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan menjayakan strategi membendungnya, sudah pastinya tidak hanya bergantung kepada usaha pihak pemerintah sahaja.

Bahkan, setiap anggota masyarakat sewajarnya memberi kerjasama yang penuh bagi membendung wabak ini, menghulurkan bantuan semasa masyarakat yang lain, tidak mementingkan diri sendiri, dan juga bukan kepentingan diri bagi sesuatu pihak sahaja, tidak hanya berpeluk tubuh sahaja dengan tidak membantu, dan sebagainya.

Jika kita sebagai jiran, mungkin boleh hulurkan bantuan membantu jiran yang terkesan.

Atau bekerjasama dengan warga kejiran dan perumahan, ahli jawatankuasa kampung atau dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu masyarakat yang sedang mengalami kesusahan.

Dalam perspektif politik pula, bagi golongan blok pembangkang pula, tidak sewajarnya

mengabaikan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat serta tidak perlu mendahului agenda politik dalam suasana pandemik ini.

Sewajarnya, sama-sama menggembung tenaga bagi membantu pihak kerajaan sehingga kepada masyarakat.

Konsep yang semua orang sepatutnya pegang adalah "apa yang penting... kerjasama!".

Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

"Dan saling tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan saling tolong-menolong dalam perbuatan dosa dan permuhan. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat seksaanNya."

Peristiwa hijrah Nabi SAW dan para Sahabat telah memberi petunjuk yang jelas kepada kita tentang kesukaran dan kepayahan yang dihadapi oleh umat Islam pada peringkat awal bagi memastikan perkembangan Islam dan Islam berjaya bertapak kukuh selepas itu.

Kejayaan hijrah tidak datang secara spontan, tetapi dipenuhi dengan strategi, kerjasama dan pengorbanan.

Justeru, dalam memerangi dan menghadapi pandemik COVID-19 ini, peristiwa hijrah Nabi SAW dan para sahabat boleh dijadikan sebagai penanda aras untuk kita merancang dalam menghadapi COVID-19 di negara kita. Marilah sama-sama kita bekerjasama dan sentiasa berdoa serta bermunajat kepada Allah SWT agar pandemik ini berakhir.

Tidak ada yang sebaik perancang melainkan perancangan dari Allah SWT juga.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di khadher82@um.edu.my

Gabungan NGO Malaysia gesa Arab Saudi bebaskan pejuang Palestin

SEBANYAK 27 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai pemimpin Arab Saudi agar membebaskan pejuang-pejuang pembebasan Palestin dan membatalkan hukuman terhadap mereka pada kadar segera.

Gabungan NGO Malaysia dalam kenyataan berkata, tindakan memenjarakan pejuang Palestin untuk memuaskan kehendak rejim Zionis Israel, Amerika Syarikat dan sekutunya akan hanya menimbul-

kan kebencian terhadap pemimpin Arab Saudi dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

"Kami, NGO Malaysia yang tersenarai di bawah ingin menyuarakan perasaan sedih di atas laporan berita berkenaan hukuman penjara yang dijatuhkan ke atas puluhan warga Palestin oleh kerajaan Arab Saudi.

"Kami dimaklumkan bahawa asas utama hukuman adalah ak-

tiviti mereka menyokong gerakan pembebasan Palestin, khususnya kumpulan Hamas.

"Kami juga ingin menegaskan bahawa walaupun Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mengklasifikasi Hamas sebagai gerakan pengganas kerana keengganan Hamas untuk berkompromi dengan rejim zalm Zionis Israel, namun hakikat sebenar ialah Hamas adalah sebuah gerakan pembebasan Palestin yang tu-

len yang mendapat sokongan dari umat Islam di seluruh dunia," katanya dalam kenyataan bersama itu pada Rabu.

Dalam pada itu, pihaknya turut menyeru pihak kerajaan supaya memberi tekanan kepada pemimpin Arab Saudi supaya mereka sedar bahawa rakyat Malaysia menentang segala bentuk kezaliman terhadap warga Palestin.

"Lebih-lebih lagi mereka yang sedang berjuang dengan harta dan

nyawa untuk membebaskan Baitul Maqdis dan Masjid al-Aqsa daripada genggaman rejim zalm Zionis," katanya.

Gabungan NGO terbabit terdiri daripada Boycott, Divestment and Sanctions (BDS) Malaysia; Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS); Pertubuhan al-Nur Negeri Kelantan (al-Nur); Pertubuhan Mawaddah Malaysia; Yayasan Usman Awang; Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram).

Semai nilai setia

KURANG penerapan konsep Rukun Negara, terutamanya prinsip kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara di peringkat sekolah dilihat antara faktor menyebabkan penghayatan dalam kalangan generasi muda tidak membugar.

Generasi muda terutamanya generasi Y (Gen Y) yang sering dilaung-laungkan sebagai pewaris kepimpinan negara masih jauh ketinggalan, antaranya memahami serta menghayati sejarah pembangunan negara, perlombagaan persekutuan serta institusi beraja.

Buktinya, media sosial dijadikan alat beremosi golongan Gen Y dalam menyuarakan pandangan mereka terhadap institusi beraja tanpa batasan, lebih-lebih lagi tatkala masyarakat ketika ini diuji dengan pandemik COVID-19.

Akibat kelantangan suara mereka, kita dikejutkan dengan pelbagai kes menghinai institusi beraja menerusi hantaran jelik di media sosial yang ada antaranya didakwa di mahkamah.

Lebih menyedihkan, mural gergasi yang memaparkan pemimpin negara termasuk potret Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayattuddin Al-Mustafa Billah Shah di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12, Shah Alam, Selangor, diconteng oleh dua wanita muda pada 20 Julai 2020.

BERI KEFAHAMAN KEPADA GEN Y

Penyandang Kursi Institut Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz berkata selain pentingnya sistem pendidikan, para pemimpin serta 'senior' (mereka yang lebih berpengalaman serta disegani) perlu berperanan menyampaikan konsep Raja Berperlombagaan dengan pendekatan sesuai kepada golongan muda.

"Konteks dahulu dan sekarang, raja itu adalah pancuran keadilan. Konsep itu adalah penting. Oleh itu kita

sebagai 'senior' haruslah menggunakan pendekatan yang lebih remaja, contoh, pakai hashtag #Pancuran Keadilan dalam menyampaikan ilmu tentang institusi beraja kepada mereka.

Dalam soal ini, beliau menjelaskan, pihaknya memberi penekanan kepada generasi berumur dalam lingkungan 20an kerana dalam tempoh 36 tahun lagi kita akan mencapai 100 tahun Malaysia bebas daripada naungan kuasa. Generasi inilah yang akan menjadi pemimpin masyarakat pada masa itu.

"Inilah tanggungjawab kita dalam menghadapi cabaran oleh institusi beraja untuk memberi pemahaman 'pancuran keadilan' kepada generasi muda selain mengukuhkan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat," katanya ketika mengambil bahagian di Wacana Patriotisme 'Pemahaman Terhadap Kesetiaan kepada Raja dan Negara' anjuran Majlis Datuk Persekutuan Malaysia, di ZOOM baru-baru ini.

SEMUA DI BAWAH NAUNGAN YDPA

Berkongsi tentang golongan bukan melayu yang kurang memahami tentang institusi beraja seperti yang pernah dibangkitkan oleh seorang mahasiswa dari Sarawak, Shamrahayu berkata ilmu yang disampaikan oleh tenaga pengajar kepada mereka di institusi pendidikan masih belum mencukupi.

"Mereka gagal menyampaikan konsep bawah Ke Bawah Duli-duli Tuanku adalah sebenarnya puncak pancuran keadilan kepada semua warganegara yang terdiri daripada tiga kelompok masyarakat, sama ada bumiputera ataupun komuniti etnik lain.

"Bila kita lihat Perkara 153 Perlombagaan Persekutuan, Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) hendaklah bertanggungjawab ke atas ketiga-tiga kelompok masyarakat, kerana kita semua adalah di bawah naungan YDPA pada peringkat persekutuan dan raja-raja di negeri.

"Walaupun seseorang raja hendaklah terdiri daripada kaum Melayu, namun Raja-raja bukan hanya kepada orang Melayu sahaja tetapi Raja-raja adalah milik kita semua iaitu warganegara

Malaysia," katanya.

Menurut beliau lagi, hal ini merupakan satu dimensi patriotisme iaitu bagaimana untuk membawa generasi muda dan golongan bukan Melayu, termasuk Bumiputera mendong kesetiaan kepada institusi beraja.

"Pengalaman sejarah dan budaya memberikan banyak pengajaran kepada institusi beraja yang sedang bersemayam.

Sebahagian besar budaya berasaskan agama dan amalan terdahulu kian menipis kerana penghayatan rakyat ketika ini telah berubah oleh kerana berubahnya suasana dan cara pemikiran.

"Maka masyarakat Malaysia perlu memahami sejarah dan budaya kesetiaan kepada Raja dan Negara agar falsafah negara sebagaimana ada sentiasa menjadi aspirasi dan rukun kita," katanya.

SEMANGAT PATRIOTISME BERMULA DARI RUMAH

Semangat patriotisme bukan sesuatu yang dapat diajar oleh tenaga pendidikan di sekolah, namun golongan pelajar perlu memastikan mereka faham konsep Patriotisme yang bukan hanya setakat menghafal lima prinsip Rukun Negara sahaja.

Dalam hal ini, Shamrahayu berpendapat, meskipun sistem pendidikan itu penting tetapi yang utamanya kefahaman konsep Patriotisme itu haruslah bermula dari rumah dan dalam hal ini, kesedaran keibubapaan terhadap patriotisme penting supaya mereka dapat

menyampaikan ilmu berkenaan kepada anak-anak.

"Guru pertama kita adalah ibu bapa, pendidikan hanyalah *supporting system*. Jika ibu bapa tidak mampu jaga anak-anak mereka, apakah lagi pada peringkat masyarakat, selepas itu kepada sistem negara?

"Selain itu, penghayatan dalam kalangan para guru dan ahli ilmuan adalah penting menerusi peningkatan cara penyampaian PdP (pengajaran dan pembelajaran) supaya dapat meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar mereka," katanya.

Sementara itu, Profesor Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Datuk Prof Dr Baharudin Puteh, berkata dalam prinsip Rukun Negara, semangat Kesetiaan Kepada Raja dan Negara serta Keluhuran Perlombagaan sudah semakin luntur apabila segelintir masyarakat lantang mengkritik institusi beraja dan sistem demokrasi berparlimen di media sosial.

"Sebagai contoh, bulan Ogos sebagai bulan kemerdekaan, nak kibarkan Jalur Gemilang itu mahu pinjam dari orang, apa salahnya sanggup berkorban beberapa sen sahaja untuk membeli bendera dan mengibarkannya di kediaman masing-masing?

"Dalam Keluhuran Perlombagaan, ikut undang-undang sedia ada, yang dibuat hasil daripada sistem demokrasi berparlimen. YPDA merupakan ketua negara, namun mereka yang tidak memahami sejarah dan perlombagaan lantang mengkritik, itu tidak boleh.

"Sebab itulah, kempen Rukun Negara haruslah di'blast' (kongsi) secara besar-besaran di media sosial agar mereka yang bersuara mengikut emosi ini akan dapat dikurangkan seterusnya menyemai rasa patriotisme dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia," tegasnya. - BERNAMA





Jangan lunturkan semangat Patriotisme, kibarkan Jalur Gemilang



AMIN FARIJ HASAN

DUA tahun berlalu, sambutan Hari Kebangsaan tidak dapat disambut meriah selepas seluruh dunia diserang wabak pandemik yang membunuh, namun semangat kibaran Jalur Gemilang harus disemai-kan setiap tahun bagi mewarmeringati bulan Kemerdekaan sebagai tanda patriotisme kita terhadap negara tidak luntur.

Disebabkan itu, Jabatan Penerangan Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Putrajaya (JaPenWPKLP) telah mengedarkan sebanyak 7,000 Jalur Gemilang di seluruh wilayah sempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2021.

Menurut Pengaranya, Lim Ann Teck, kesemua Jalur Gemilang itu telah mula diagihkan kepada komuniti sejak 27 Julai lalu sebagai usaha dalam menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Kesemua Jalur Gemilang diagihkan kepada komuniti melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). JaPenWPKLP juga mengedarkan bendera kepada agensi-agensi Kerajaan seperti balai polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kuala Lumpur dan Putrajaya. **WK**



Perdana Menteri rasa kehilangan

PEMERGIAN Siti Sarah turut dirasai Perdana Menteri, **Tan Sri Muhyiddin Yassin**, sambil menyifatkan negara kehilangan permata seni yang disayangi ramai.

"Takziah saya ucapkan kepada Encik Shahmira Muhamad atau Shuib Sepahtu atas pemergian isteri tersayang, Allahyarham Siti Sarah Raissuddin yang meninggal dunia akibat COVID-19."

"Khabar duka kehilangan anak seni yang cukup berbakat ini, meninggalkan suami, empat anak termasuk seorang bayi dalam keadaan Allahyarham bertarung nyawa di hospital, amat memilukan."

"Bukan sahaja ahli keluarga dan para pemimatnya, bahkan seluruh rakyat Malaysia termasuknya turut bersedih."

"Semoga ahli keluarga dan sahabat handai Allahyarham tabah menghadapi detik-detik yang mendukacitakan ini."

"Marilah kita berdoa agar roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan para solehah," luahnya menerusi Instagramnya baru-baru ini. **WK**

Doa Ismail Sabri buat Sarah

TIMBALAN Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** turut mendoakan agar Allahyarham Siti Sarah ditempatkan dalam golongan orang yang beriman.

"Saya sekeluarga mengucapkan takziah buat Shuib. Saya harap Shuib terus bersabar. Hidup kena teruskan."

"Jadi kita sama-sama berdoa agar roh Allahyarham ditempatkan bersama para solehah di syurga," katanya yang turut bertanyakannya khabar anak-anak Shuib sejurus selepas sesi bacaan Yaasin secara virtual baru-baru ini.

WK

Arwah banyak lakukan kerja amal - Saifuddin

MENTERI Komunikasi dan Multimedia **Datuk Saifuddin Abdullah** mengagumi kerja-kerja amal yang dilakukan Allahyarham Siti Sarah.

"Takziah kepada Shuib dan sama-sama kita doakan. Insya-Allah arwah seorang yang baik."

"Banyak kerja amal yang arwah lakukan. Mudah-mudahan kita semua doakan Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang beriman," luahnya yang turut menyertai bacaan Yaasin untuk Allahyarham Siti Sarah secara virtual baru-baru ini. **WK**



MUHYIDDIN

Bidadari syurga... Siti Sarah sentiasa dalam doa

PERGINYA sebutir bintang seni tanah air, Allahyarham Siti Sarah Raissuddin, 36, meninggalkan kesan yang amat mendalam buat rakyat Malaysia.

Baik pemimpin atasan mahupun rakyat, pemergian Siti Sarah adalah satu kehilangan besar buat negara.

Malah, apa yang istimewa apabila lebih 300 orang telah mendirikan solat jenazah ghaib buat penyanyi kesayangan ramai ini, di salah sebuah Masjidilharam Mekah selepas waktu Zuhur (waktu Arab Saudi), sehari selepas Allahyarhamah meninggal dunia.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), aki-



DEEL ANJER

bat COVID-19, pada pukul 5.13 pagi, 9 Ogos lalu.

Sebelum itu, pada Jumaat minggu lalu Allahyarham Siti Sarah selamat melahirkan bayi lelaki yang merupakan anak keempat bersama suaminya, Shuib Sepahtu.

Terdahulu pasangan terbabit yang mendirikan rumah tangga pada 2011, dikurniakan tiga cahaya mata iaitu Uwais Alqarni, 10 tahun; Dzahira Talita Zahra, 8 tahun dan Arij Matin, 6 tahun.

Jenazah Allahyarham Siti Sarah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Pusu, Gombak. **WK**



Kenangan manis Shuib bersama bidadari syurganya, Allahyarham Siti Sarah ketika di Mekah

'Ketua bidadari saya sudah tak ada' - Shuib

MENURUT suami Allahyarham Siti Sarah, Shuib Sepahtu mengaku sering berseloroh dengan berkata bahawa isterinya itu seorang ketua bidadari syurga.

"Apabila ditunjukkan satu persatu kebaikan dia, termasuk doa tidak putus putus orang luar kepadanya, selain cara dia meninggal dunia kerana COVID-19 dan selepas melahirkan anak keempat kami, saya nampak bagai ada kebenaran gelaran berkenaan."

"Saya yakin dan nampak pasti dia akan mencium bau syurga. Insya-Allah pasti Allah letakkannya di tempat paling baik."

"Sedih... memang sayalah orang paling sedih kehilangan kekuatan hidup saya. Namun saya akur dan reda dengan takdir ini. Ketua bidadari saya sudah tidak

ada," luah Shuib yang sempat mengajar Sarah mengucap dua kalimah syahadah sebelum pergi buat selama-lamanya.

Dalam pada itu, Shuib menyifatkan arwah sebagai seorang yang menjadi tulang belakang hidupnya.

"Kalau orang nampak pandai bab bisnes dan memasarkannya, mungkin pada mata kasar yang hebat itu disangka saya. Tapi yang sebenarnya, dialah yang jadi 'master mind'."

"Pernah saya terdetik cakap, kalau tak kahwin dengannya, apalah nasib diri ini. Dialah loket tuah saya. Dia sangat luar biasa."

"Dialah yang banyak buka mata saya bab bersedekah dan berbuat baik tanpa harap balasan. Kalau dalam tangan ada duit sikit pun bersedekahlah," katanya.

WK



Allahyarham Siti Sarah adalah insan yang sering mementingkan hubungan kekeluargaan



NANA

Arwah sentiasa bantu orang susah - Pengurus

PENGURUS arwah, Nana Mohamad Rom berkata, Siti Sarah sentiasa berusaha untuk membantu ramai orang susah dalam diam dan tidak mahu dihebahkan.

"Dia paling suka menderma, selalu menderma sana-sini."

"Kalau ada orang mesej di

Instagram perlukan bantuan dia akan bantu. Tapi Sarah tak suka orang tahu dan tak mahu bercerita... tapi kita pihak pengurusan tahu mengenai perkara itu."

"Yang terbaru, sebelum dia menaiki ambulans untuk ke hospital (HUKM Kuala Lumpur), dia

pindahkan wang pada satu akaun miliknya kepada ibu tirinya dan minat ia disedekahkan."

"Sebelum ditidurkan, dia ada minta pembantunya ambil semua produk tudung keluaran untuk disumbangkan kepada jururawat di hospital itu," ujarnya. **WK**

Raissuddin kehilangan kata-kata

BAPA mana tidak sedih apabila anak yang selalu menceriakan suasana pergi menemui Ilahi dalam situasi yang tidak terduga.

Begitulah dirasai Raissuddin yang kehilangan anaknya, Siti Sarah sewaktu dirinya dalam kuarantin akibat COVID-19.

"Banyak (kenangan) yang

paling manis dengan dia. Sebelum dia kahwin, banyak perkara yang manis yang tidak dapat dilupakan."

"Apa yang terjadi adalah satu ketentuan yang telah ditetapkan Allah. Bukan rancangan kita, bukan rancangan siapa-siapa."

"Shuib datang berjumpa

saya. Dia datang dengan senyuman. Dia melutut di depan saya dan dia kata, Siti dah tak ada."

"Apabila berlakunya perkara ini, saya tak berkata apa-apa. Saya tak tahu nak kata apa," luah Raisuddin yang baru saja menamatkan proses kuarantin kendiri baru-baru ini. **WK**



RAISUDDIN



RUMAH PRIHOTIN@GRAND SEASONS

Kuala Lumpur

Pusat Gerakan
JEJAK
PRIHOTIN

- One Stop Centre -

Menerima makluman berkenaan golongan miskin bandar agar sukarelawan PriVo, MPPWP dan NGO turun ke padang untuk menyantuni kumpulan sasar tersebut agar bantuan yang diperlukan dapat dikenalpasti dan dibantu sewajarnya.

011-7073 8633

BILIK PENGINAPAN
PRIHOTIN

300 bilik penginapan tersedia bagi golongan musafir, petugas barisan hadapan, atau mana-mana pihak yang memerlukan tempat penginapan sementara.

Bilik penginapan mampu bayar bermula dari RM30/malam.

011-7073 6458

FOOD BANK
PRIHOTIN

Sumbangan makanan kering kepada golongan rentan bandar yang memerlukan melalui MPPWP dan sukarelawan.

Sumbangan daripada badan korporat, NGO dan lain-lain untuk tujuan ini amat dialu-alukan.

011-7110 7898

DAPUR
PRIHOTIN

Menyediakan makanan percuma untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.

011-7074 2927

KHIDMAT KESIHATAN MENTAL
PRIHOTIN

Khidmat kaunseling secara outpatient kepada individu, keluarga, atau kelompok yang memerlukan sokongan emosi.

Dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan oleh kaunselor dan doktor bertauliah.

011-7073 8412

KHIDMAT VAKSINASI
PRIHOTIN

Golongan kurang upaya, warga emas, golongan rentan, peniaga, penjaja dan gelandangan yang belum mendapat temujanji suntikan vaksin di mana-mana PPV.

011-7074 2318

Empat idea masakan *homemade* sesuai makan dari pagi hingga malam



SABRINA SABRE

MASAKAN ibu tentunya yang terbaik. Ada yang bercadang nak buat makan-makan dan tercari-cari menu sedap tapi mudah masak untuk keluarga sempena cuti minggu? Ini antara menu-menu masakan yang sesuai disediakan dan boleh dijadikan sajian istimewa keluarga dari pagi hingga malam. Semuanya sangat sedap, mudah dan membuka selera. Selamat mencuba! **WK**




BUBUR JAGUNG SAGU

BAHAN-BAHAN

200 gram jagung
100 gram sagu
700 ml santan
250 gram gula melaka
100 gram gula
2 helai daun pandan

CARA PENYEDIAAN

1. Satukan separuh santan bersama jagung, gula melaka, gula dan daun pandan.
2. Didihkan sehingga gula menjadi hancur dan jagung menjadi lembut.
3. Masukkan separuh lagi santan dan sagu.
4. Didihkan hingga semua bahan sebati dengan menggunakan api yang kecil. **WK**



NASI DAGING

BAHAN-BAHAN

1 kg daging
1 kg beras Basmati
1.5 kg air
½ tin susu cair
2 sudu makan rempah kurma
2 sudu makan minyak masak
1 sudu makan minyak sapi
1 kiub pati daging
1 helai daun pandan
2 biji tomato
Garam secukup rasa

BAHAN REMPAH PENUMIS

1 batang kulit kayu manis
5 kuntum bunga cengkeh
2 kuntum bunga lawing
5 biji buah pelaga

BAHAN HIRIS

1 biji bawang besar
3 ulas bawang putih
3 cm halia

BAHAN AIR ASAM

10 biji cili merah
10 biji cili padi
30 gram belacan
Ikan bilis
Gula
Garam
2 biji tomato
2 biji bawang besar
2 sudu makan kerisik
1 cawan air rebusan daging
1 sudu makan pes asam jawa
1 sudu makan sos cili
1 sudu makan sos tomato

CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan minyak sapi dan minyak masak dalam periuk. Tumis rempah penumis dan bahan hiris hingga wangi.
2. Masukkan rempah kurma. Kacau rata dan masukkan sedikit air. Kacau hingga pecah minyak.



3. Masukkan beras yang telah ditoskan. Kacau seketika bersama daun pandan.
4. Masukkan separuh dari hiris daging, air rebusan daging, susu cair, kiub pati daging dan tomato. Perasakan dengan garam secukup rasa.
5. Pindahkan periuk ke dalam rice cooker dan masak seperti biasa.
6. Untuk menyediakan air asam, satukan semua bahan dan kacau rata.
7. Hidangkan bersama nasi daging. **WK**

SATE DAGING GORENG

BAHAN-BAHAN

1 kg daging hiris kecil dan nipis
200 gm kacang tanah
½ cawan gula
Garam secukup rasa
Minyak masak

BAHAN KISAR

20 tangkai cili kering
10 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
3 cm halia
4 batang serai
2 cm lengkuas
1 sudu makan serbuk kunyit
1 sudu teh serbuk jintan manis
1 sudu teh serbuk jintan putih

CARA PENYEDIAAN

1. Cuci daging bersih-bersih dan toskan airnya.
2. Masukkan daging ke dalam

manguk bersama bahan kisar, garam, gula dan kacang tanah. Gaul rata dan sebati.

3. Tutup bekas daging dan perap semalam dalam peti sejuk.
4. Apabila sedia untuk dimasak, keluarkan dari peti sejuk dan biarkan pada suhu seketika.
5. Panaskan minyak masak dalam kuali non-stick, goreng sate guna api sederhana. Bila masak, angkat dan tapis sate tadi bagi membuang lebihan minyak.
6. Jika sate agak kering semasa dimasak, masukkan air perapan daging dengan secukupnya.
7. Masakan istimewa ini sedia untuk dihidangkan. **WK**



BUBUR PULUT HITAM

BAHAN-BAHAN


600 ml santan
250 gram pulut hitam
250 gram gula
2 helai daun pandan
Secubit garam

CARA PENYEDIAAN

1. Rendam pulut hitam di dalam periuk selama sejam kemudian rebus sehingga ia

menjadi empuk.

2. Di dalam periuk, satukan santan, gula, dan daun pandan. Didihkan sehingga ia hampir mendidih.
3. Masukkan pulut hitam dan secubit garam.
4. Didihkan lagi sehingga semua bahan menjadi sebati. **WK**



Empat filem antarabangsa menarik di Netflix

BARU-BARU ini sudah diumumkan mengenai kelonggaran bagi individu yang mempunyai dua dos lengkap. Akan tetapi kebanyakkan kelonggaran tersebut hanya untuk negeri yang berada di fasa kedua, ketiga dan keempat. Bagi warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diharap bersabar ye kerana kedua-dua negeri ini masih berada dalam fasa satu.

Jom habiskan masa dengan menonton filem-filem menarik di



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

Netflix sambil itu mengubah hati kerana PKP yang berpanjangan. Memandangkan kita sudah biasa layan dan menonton filem barat (mat saleh). Kali ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem antarabangsa (*foreign language*) yang menarik untuk ditonton. **W.K**

#2 Dad Wanted



Pengarah: Javier Colinas
Pelakon: Juan Pablo Medina, Ela Velden, Silvia Navarro

KISAH seorang remaja perempuan bernama Blanca yang ditakdirkan menjadi pelumba BMX yang hebat. Dia juga sering diabaikan oleh ibunya setelah kematian ayahnya di dalam sebuah kemalangan. Ibunya tidak mengizinkan Blanca untuk terus bermain basikal. Namun, keinginan Blanca ingin menyertai satu pertandingan BMX

membuatkan beliau terdesak untuk mencari bapa pinjaman bagi membolehkan dirinya mendaftar pertandingan tersebut.

Ketika ini, Blanca bertemu dengan Alberto, seorang bekas pelakon yang menghilangkan diri dari dunia seni setelah kematian anak perempuannya. Apabila mengetahui rancangan Blanca, Alberto mula menolak idea tersebut. Apa yang akan dilakukan oleh Blanca? Adakah Alberto akhirnya akan bersedia untuk membantu? **W.K**



#1 So Much Love to Give

Pengarah: Marcos Carnevale
Pelakon: Soledad Villamil, Adrian Suar, Gabriela Toscano

SEBUAH filem komedi Sepanyol ini mengisahkan mengenai Fernando yang sukses tetapi mempunyai dua buah keluarga. Seorang lelaki yang baik, romantis dan penyayang tetapi kesilapannya mempunyai dua buah isteri tanpa pengetahuan kedua isterinya bahawa mereka bermadam.

Suatu hari, Fernando ditimpa kemalangan dan tidak sedarkan diri. Apabila menyedarkan diri, dia diberitahu bahawa pihak hospital sudah menghubungi isterinya dan sedang dalam perjalanan. Menyedari keadaan itu dia berusaha bagi mengelakkan kedua isterinya bertembung. Namun, berhasilkah usaha Fernando? Di Malaysia perkara poligami adalah dibolehkan tetapi tidak di Argentina. Ianya adalah sesuatu yang jarang berlaku untuk memiliki lebih dari satu isteri. **W.K**

#3 You've Got This



Pengarah: Salvador Espinosa
Pelakon: Mauricio Ochmann, Esmeralda Pimentel

FILEM Mexico ini mengisahkan sebuah pasangan bahagia yang saling menyokong antara satu sama lain. Konflik bermula apabila si suami merasakan dia sudah bersedia untuk menjadi seorang ayah tetapi pada masa yang sama isterinya diberi jawatan tinggi oleh syarikatnya. Keadaan menjadi lebih tegang apabila suatu hari si suami terpaksa menjaga anak seorang gadis yang dikenali di sebuah bar dan pelbagai masalah muncul apabila si isteri mula mengelak dan enggan mendengar penjelasan suaminya.

Filem ini menekankan bahawa komunikasi merupakan kunci utama dalam sesebuah hubungan dan dalam perkahwinan keputusan yang diambil haruslah berdasarkan kesepakatan bersama suami dan isteri. *You've Got This* bukan sahaja filem yang membuatkan penonton ketawa terbahak-bahak namun ianya juga manis, menawan dan menarik. **W.K**

#4 The Paramedic

Pengarah: Carles Torras
Pelakon: Mario Casas, Deborah François

THE PARAMEDIC merupakan filem *thriller* jenayah Sepanyol yang mengisahkan seorang lelaki bernama Angel dan juga merupakan paramedik. Hari-harinya dihabiskan untuk menyelamatkan orang yang terperangkap dalam kemalangan, menolong pesakit dan mengumumkan kematian seseorang. Angel juga nampaknya mempunyai hidup bahagia dengan teman wanitanya Vane, seorang doktor haiwan.

Sehingga suatu hari kemalangan yang melibatkan Angel menyebabkan dia lumpuh dari pinggang ke bawah. Angel tidak dapat bekerja dan melakukan banyak perkara untuk dirinya sendiri. Setelah lumpuh, sikap Angel semakin teruk, dia menjadi semakin pemarah dan tidak mempercayai kekasihnya. Kemarahan Angel berubah menjadi tindakan balas dendam yang kejam terhadap mereka yang menurutnya telah menzalimi dirinya. Dengan menggunakan kemahiran perubatannya, Angel menerapkan skema balas dendam yang paling jahat. **W.K**



94 penyertaan dalam dan luar negara

LaRIS anjur Seminar Pengajaran Bahasa



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERSATUAN Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan (LaRIS) telah menganjurkan Pameran Kreativiti dan Inovasi dan Seminar Pengajaran Bahasa (CAIELTS 2021) kali ke-enam peringkat antarabangsa secara maya, baru-baru ini.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh LaRIS, program itu dilancarkan pada 3 Mac lalu oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman.

Ujarnya, dalam tempoh lima



AHLI JAWATAN KUASA PENGANJUR 6TH CAIELTS 2021.

bulan sebanyak 94 penyertaan telah diterima dan membabitkan seramai 29 pempamer kreativiti dan inovasi dan 19 pembentang

pengajaran bahasa telah membentangkan kertas kerja mereka.

"Pertandingan pameran kreativiti dan inovasi itu melibatkan

peserta dari negeri Kedah, Perak, Pahang, Labuan, Sabah, Sarawak dan Melaka itu dinilai oleh tiga hakim, iaitu Dr. Hyginus Lester Junior Lee, Suriani Alland Rice Oxley, dan Goh Kok Ming.

"Program itu turut disertai beberapa ahli panel pembentangan fitur dari luar negara iaitu Universitas Pamulang, Indonesia, University of Wollongong, Australia, Taipei Wanfu Elementary School, Taiwan, Miyagino High School, Jepun," ujar kenyataan itu.

Dalam pada itu, LaRIS memaklumkan Anugerah Pilihan Juri dimenangi oleh Erieken Dickel Beidon dan Frederica Gimpeh dari Labuan International School.

Manakala bagi pingat emas pula disandang oleh Quah Wei

Boon dan Siti Norsarah Yahaya (Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah), Erieken Dickel Beidon dan Frederica Gimpeh (Gimpeh, Labuan International School), Komathy Veerasingham (SMK Ave Maria, Perak), Mohd Fadhil Omar (SK Chengal Lempong, Pahang), Ramzi Adam (SK Sungai Mas - JHEOA, Pahang), Yahya Ahmad Puteh, Junaidah Baharuddin (SMK Mutiara, Labuan) dan Roziah Abdul Rahman (SM St Anthony, Labuan).

Sementara itu, Pengurus LaRIS, Dr. Hyginus Lester Junior Lee turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Yusup Mohamad kerana telah memberikan sokongan kenada penganjuran program itu. **WK**

PL agih 366 bakul makanan kepada pemandu e-hailing dan teksi air

SERAMAI 366 pemandu e-hailing dan pemandu teksi air di Pulau Bebas Cukai ini menerima bantuan bakul makanan daripada Perbadanan Labuan bersempena Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Fary Akmal Osman, dalam usaha membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 pihaknya telah bekerjasama dengan Jabatan Penerangan Labuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengagihkan bantuan tersebut kepada golongan terkesan.

"Seramai 135 pemandu e-hailing (Grab Car), 31 pemandu teksi air dan 200 kit makanan lagi diserahkan kepada Jabatan Penerangan Labuan melalui Program Info On Wheel (IOW) @ Merdeka 2021," katanya di Majlis Penyerahan Bantuan Makanan kepada Pemandu E-hailing secara pandu lalu di perkaranan Terminal Bot Antarabangsa Labuan, pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Supian Musa, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan,



FARY (kiri) menyerahkan bakul makanan kepada Supian (kanan) bagi diagihkan kepada individu yang terkesan menerusi Info On Wheel (IOW) @ Merdeka 2021.

Ansharey Matarsad dan Ahli Lembaga Pengarah LDA Holding, Datuk Peter Mak.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kempen Jalur Gemilang Sambutan Bulan Kebangsaan 2021 berkata bersempena HKHM2021 IOW@Merdeka dilaksanakan Jabatan Penerangan Labuan bermula 2 Ogos hingga 16 September 2021 bagi menyemarakkan semangat cintakan Negara dan meningkatkan penghayatan rakyat terhadap sambutan HKHM 2021.

"IOW@Merdeka akan menjelajah ke setiap pelusuk pulau ini bagi sama-sama mengajak masyarakat untuk mengibarkan Jalur Gemilang di premis bangunan, pejabat, kediaman dan di mana sahaja kita berada melalui Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi menggelorakan lagi kebanggaan kita kepada identiti Negara dan simbol kesatuan sebagai rakyat Malaysia," katanya lagi. **WK**

JPWPL lancar Kajian Tindakan tingkatkan kualiti PdPR

JABATAN Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) melaksanakan Pembentangan Kajian Tindakan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan meningkatkan kualiti Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) secara berterusan.

Kajian tindakan adalah wadah terbaik bagi seseorang guru meningkatkan kualiti Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) secara berterusan.

Pendekatan yang lahir dari pada daya kreativiti dan inovasi mampu menarik minat dan perhatian murid terhadap PdPR.

Program yang dibuat sepenuhnya secara dalam talian ini adalah inisiatif di bawah program Pembudayaan Kajian Tindakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penyelarasnya Zailiana Zainol berkata, kajian yang telah dihasilkan oleh guru-guru di wilayah ini adalah berfokus kepada pendekatan terbaik PdPR terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19.

"Seramai 12 guru telah membuat pembentangan kertas kajian tindakan mereka kali ini. Mereka telah dilatih oleh 5 orang jurulatih yang diketuai oleh Pegawai SISC+ di Sektor Pembelajaran, Dr. Hyginus Lester Lee," katanya.

Katanya, barisan Jurulatih Utama yang lain terdiri daripada Penolong Kanan Pentadbiran SK Patau-Patau, Dalilah Desa, guru SMK Mutiara, Junaidah Baharuddin, guru SKK SK St Anne, Cipho Wiryawan @ Mohd Ikhwani dan guru SK Pekan II, Siti Farah Idayu Madi.

"Pembentangan mereka ini dinilai oleh enam panel yang telah dilantik dan pembentangan kertas kajian terbaik akan dipilih untuk mewakili W.P. Labuan dalam pembentangan di Persidangan Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan



SESI pembentangan sedang berlangsung.



Kali ke-16 yang dijangka akan diadakan pada Oktober depan," katanya.

Beliau yang juga Penolong Pengarah Sektor Perancangan berkata sebanyak lima sekolah rendah terlibat dalam tujuh pembentangan kertas kajian iaitu SKK Sk St. Anne, SK Sungai Bedaua (dua kertas), SK Pekan 2 (dua kertas), SKK SK Ranch-Rancha dan SK Pantai.

Manakala empat pembentangan laji dari sekolah menengah iaitu SMK Mutiara (tiga kertas) dan Sekolah Menengah St. Anthony.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Labuan, Yusup Mohamad berkata sebagai warga pendidik harus menekankan kepentingan kreativiti dan inovasi yang dijemlakan di dalam bentuk penulisan kajian tindakan untuk dikongsi bersama.



ZAILINA

"Dalam era pandemik ini kita dapat lihat guru-guru berusaha mengoptimumkan penggunaan kemahiran ICT. Situasi pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin berbeza, mencabar dan mengekang amalan-amalan lazim sebelum ini.

"Justeru, kajian tindakan amatlah relevan dan sangat rapat dengan guru dalam meningkatkan kualiti PdPR dalam tempoh ini," katanya.

Sesi pembentangan turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Pembudayaan Penyelidikan, Selvarajah a/l Manikam bersama Ketua Penolong Pengarah BPPDP, KPM, Dr. Haji Al-Azharri Siddiq Haji Kamunri. **WK**

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Warga Lembah Pantai perlu patuh SOP elak kes jangkitan COVID-19 berulang

SYAHIDI BAKAR

WARGA penduduk Lembah Pantai disarankan supaya lebih peka dan sentiasa mematuhi semua aspek Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan kes jangkitan COVID-19 berulang di lokasi berkepadatan tinggi.

Gesaan disuarakan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Lembah Pantai, **Tengku Datuk Zuhri Tengku Abdul Aziz** itu dilihat bertepatan keperluan semasa bagi memastikan setiap warga mengamalkan kawalan kendiri demi keselamatan bersama.

Beliau berkata, walaupun fasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di beberapa lokasi di Lembah Pantai telah pun tamat, namun ia tidak bermakna kawasan tersebut bebas sepenuhnya daripada jangkitan kes COVID-19.

"Parlimen Lembah Pantai pernah menyaksikan perintah PKPD dikuatkuasa di beberapa kawasan berkepadatan penduduk tinggi termasuklah PPR Kampung Limau, Jalan Kubur, PPR Pantai Ria dan PPR Kerinchi serta Taman Bukit Angkasa.

"Fasa PKPD ini melibatkan ribuan warga Lembah Pantai dan dalam tempoh itu, kami di pihak MPP Lembah Pantai telah pun berusaha meringankan bebanan mereka yang terkesan.

"Antara langkah diambil termasuk

telah turun ke semua kawasan terjejas PKPD untuk menyantuni penduduk serta frontliner yang bertugas," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Tengku Zuhri, secara keseluruhan di Lembah Pantai populasi mencecah ratusan ribu penduduk dengan kepadatan yang tinggi wujud di kawasan penempatan berkos rendah seperti PPR dan Perumahan Awam (PA).

Justeru tegasnya, sebarang penularan jangkitan kes pandemik COVID-19 yang berlaku di kawasan terbabit perlu dicegah sedaya upaya bagi elakkan risiko yang tinggi terhadap masyarakat setempat.

"Inilah antara keutamaan kami dan atas sebab itu kami MPP secara berterusan memantau situasi di kawasan berisiko dan cuba salurkan keperluan berkaitan kepada penduduk termasuk mengagih bantuan bakul makanan, sediakan kemudahan pengangkutan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) selain khidmat sanitasi di kawasan berisiko.

"Terima kasih kepada mantan Pengerusi MPP Lembah Pantai, Datuk Seri Utama Raja Nong Chik yang telah menyumbangkan bantuan lebih 5,000 barang makanan basah serta 5,764 pak makanan kering kepada semua warga Lembah Pantai yang terkena di sepanjang perintah PKPD yang lalu," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Zuhri

menzhirkkan tanda terima kasih serta penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan membantu dalam usaha menamatkan PKPD Lembah Pantai berkuatkuasa selama lebih dua minggu itu.

"Alhamdulillah fasa PKPD semua kawasan yang terlibat telah diumum tamat dan kami mewakili MPP Lembah Pantai rakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada semua termasuklah individu persendirian, Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Yayasan Wilayah Persekutuan.

"Lain-lain agensi MAIWP, RELA dan semua pihak autoriti berwajib serta rakan-rakan NGO turut sama membantu menyumbang bahan keperluan dan keringat untuk warga



AJK MPPWP Lembah Pantai menerima barang bantuan yang diterima di kawasan masing-masing untuk diagih kepada warga penduduk terjejas di kawasan PKPD di Lembah Pantai.

Lembah Pantai di saat kami memerlukan, saya ucap terima kasih di atas keprihatinan membantu warga," katanya. **WK**

Langkah mengekang, membanteras COVID-19 terus dipergiat

USAHA serta langkah membanteras penularan COVID-19 terus dipergiat dari semasa ke semasa oleh pihak Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, Setiawangsa demi menjaga keselamatan penduduk setempat.

Terkini, pada 8 Ogos yang lalu MPPWP Sub Zon 3 dengan kerjasama Skuad Sanitasi Nyahkuman COVID-19 terus membantu masyarakat apabila melaksanakan kerja-kerja sanitasi melibatkan 27 blok perumahan di kawasan sekitar.

Menurut Pengerusinya, **Ubaid Abd. Akla**, langkah yang diambil adalah selaras usaha kerajaan bagi mengekang seterusnya membanteras penularan wabak COVID-19 yang masih lagi menghantui kehidupan warga penduduk.

Katanya, kerjasama dijalin tidak lain tidak bukan hanya bertujuan memastikan kebijakan dan juga keselamatan warga penduduk dibawah kendalian MPPWP Sub Zon 3 Setiawangsa sentiasa terjaga.

"Kerja-kerja sanitasi dijalankan kali ini melibatkan keseluruhan 27 blok perumahan dilaksana hasil kerjasama Jabatan Amal



SEBAHAGIAN daripada tenaga kerja yang terlibat bagi menjayakan kerja-kerja sanitasi kawasan perumahan di bawah kendalian MPPWP Sub Zon 3, Setiawangsa.

Setiawangsa bersama Persatuan Penduduk Apartment Mahsuri di sini.

"Selain blok perumahan, kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman ini turut mensasarkan kawasan yang berisiko seperti kawasan parking, taman permainan dan lokasi terdedah kepada jangkitan.

"Syukur atas kerjasama baik semua pihak terlibat usaha menyahkuman ini berjalan

lancar dan kami berharap setiap usaha dilaksana ini akan menjadi benteng dalam mencegah penularan COVID-19," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Menurut Ubaid, tenaga kerja yang terlibat dalam kerja-kerja sanitasi awam ini lebih 10 orang dan bilangan sentiasa bertambah apabila terdapat warga penduduk yang tampil membantu. Daripada aspek kerjasama



SEBELUM ini, kerja-kerja sanitasi turut dilaksanakan di sekolah dalam usaha mencegah penularan jangkitan COVID-19 di institusi pendidikan.

dan sambutan warga penduduk katanya amat baik malah secara jelas memperlihatkan solidariti semua penduduk yang bersama menentang COVID-19.

"Semangat dipamerkan warga penduduk sangat dihargai malahan mereka juga yang jadi penentu dalam peperangan melawan COVID-19.

"Jadi bagi saya, semangat ini perlulah berterusan dipupuk

dan diperkemas lagi dengan amalan SOP yang digariskan pihak berwajib. Langkah ini amat perlu kerana itu adalah satu-satunya teknik melawan pandemik yang tidak terlihat oleh mata kasar kita," katanya sambil menzhirkan terima kasih kepada pihak terbabit di dalam membantu usaha menyahkuman kawasan bawah kendalian MPPWP Sub Zon 3, Setiawangsa. **WK**

**Soalan**

ASSALAMUALAIKUM
saya ada satu persoalan
yang timbul. Benarkah
mereka yang meninggal dunia
kerana jangkitan COVID-19
ini termasuk di dalam kategori
mati syahid dan tidak perlu
dimandikan? Mohon penjelasan
pihak mufti. Sekian terima kasih.

Jawapan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, seluruh ahli keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang mengikuti perjuangan baginda sehingga hari Kiamat.

Wabak COVID-19 yang masih menular ketika ini merupakan salah satu wabak yang boleh menyebabkan kematian.

Wabak ini tidak mengira faktor usia, bangsa ataupun negara.

Oleh itu setiap individu hendaklah mematuhi arahan pihak berkuasa supaya dapat menghindarkan diri daripada kemudaratan wabak tersebut.

Perkara ini selari dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW:

Maksudnya: Larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa.

Riwayat Bukhari (5707)

Berbalik kepada persoalan yang diajukan, timbul persoalan berkenaan adakah individu muslim yang meninggal kerana jangkitan COVID-19 ini termasuk dalam kategori mati syahid dan tidak perlu dimandikan.

Bagi menjawab persoalan ini, terdapat pelbagai hadis yang menceritakan tentang perkara

Meninggal dunia sebab COVID-19 bolehkah dikira sebagai syahid?



MANGSA yang meninggal dunia perlu dimandikan, dikafarkan dan disolat seterusnya dikebumikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

yang dinyatakan, antaranya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW:

Maksudnya: Orang yang mati syahid lima golongan iaitu orang yang mati kerana taun (wabak), mati kerana penyakit perut, mati lemas, mati dtimpa runtuh dan mati syahid di jalan Allah.

Riwayat al-Bukhari (2829) dan Muslim (1914)

Hadis ini menjelaskan bahawa individu muslim yang meninggal disebabkan taun (wabak) dikategorikan sebagai mati syahid.

Perkara ini merupakan kelebihan dan kurniaan Allah SWT ke atas mereka kerana azab yang dahsyat ketika menghadapi kesakitan dan kematian tersebut.

Imam al-Nawawi menyatakan

di dalam kitabnya, Syarah Sahih Muslim bahawa:

Maksudnya: Para ulama berpendapat, sesungguhnya kematian ini dianggap sebagai syahid disebabkan kelebihan yang dikurniakan Allah SWT kerana mereka mengalami kesakitan yang amat dahsyat.

Secara umumnya, taun ini dikategorikan sebagai wabak atau penyakit berjangkit yang kesannya boleh mengakibatkan kematian dengan sangat cepat.

Oleh itu, wabak COVID-19 ini juga boleh diklasifikasi seperti taun sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis Nabi SAW.

Imam Ibnu Hajar menjelaskan lagi perkara ini dengan menukilkan pandangan Ibnu Arabi di dalam karyanya:

Maksudnya:
Taun kebiasaannya memberi penderitaan yang boleh mengalami kemalangan jiwa bagaikan disembelih.

Disebut seperti itu (taun) kerana secara umumnya ia adalah musibah dan penyebab kematianya yang cepat.

Oleh itu, jelas di sini bahawa orang Islam yang meninggal dunia kerana jangkitan COVID-19 termasuk dalam kalangan mereka yang mati syahid sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Kematian mereka ini dikategorikan sebagai syahid di akhirat dan bukannya syahid kerana peperangan di jalan Allah SWT.

Oleh itu, jenazah mereka hendaklah dimandikan serta disolatkan sebagaimana biasa.

Imam al-Nawawi menjelaskan perkara ini di dalam kitabnya:

Maksudnya: Para ulama berpandangan bahawa, syahid yang dimaksudkan ke atas mereka itu bukanlah syahid kerana mereka gugur di jalan Allah.

Sesungguhnya mereka itu, akan diberikan ganjaran syahid pada hari akhirat manakala di dunia mereka masih perlu dimandikan dan disolatkan (tidak seperti mereka yang syahid gugur di jalan Allah).

Justeru, secara asasnya jenazah yang meninggal dunia disebabkan COVID-19 wajib dimandikan seperti biasa kerana

ia bukanlah dikategorikan sebagai golongan syahid dunia dan akhirat iaitu mereka yang gugur di medan peperangan.

Walau bagaimanapun fuqaha telah membincangkan jika terdapat keuzuran dalam memandikan seperti mudarat jangkitan dan sebagainya maka jenazah boleh ditayammumkan bagi mengganti dimandikan.

Dan jika tayammum pun tidak dapat dilaksanakan maka gugurlah kedua-dua tuntutan tersebut.

Maksudnya: kemudaratan itu hendaklah dihilangkan.

Kesimpulannya, merujuk kepada persoalan di atas serta perbahasan yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa kematian kerana jangkitan wabak COVID-19 dikategorikan sebagai syahid di akhirat dan ganjaran tersebut akan diberikan di akhirat kelak.

Oleh itu, jenazah mereka secara asasnya hendaklah dimandikan serta disolatkan seperti biasa.

Namun atas faktor keselamatan dan mencegah mudarat penularan wabak, maka jenazah mereka itu tidak akan dimandikan sepanjang tempoh.

Hal ini bermakna jenazah tersebut tidak dimandikan kerana faktor kemudaratan bukannya disebabkan mereka itu syahid berperang di jalan Allah.

Ita bergantung kepada SOP semasa yang menentukan kesesuaian sama ada boleh dimandikan atau cukup sekadar ditayammum ataupun gugur kedua-duanya sekali.

Wallahu'alam.

[bediae.com](#) pemudah belajar ilmu agama secara atas talian

PANDEMIK COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia ketika ini memberi impak kepada sistem pendidikan termasuk pengajaran Islam apabila proses pembelajaran secara bersemuka terpaksa ‘dihentikan’ selagi bencana wabak itu masih ‘mengganas’.

Menyedari keadaan itu, seorang usahawan muda, **Muhammad Amar Mirza Abd Kadir Jailani**, 27, mengasaskan laman sesawang bediae.com (BeDaie) iaitu platform pusat pengajaran Islam secara dalam talian bagi memudahkan serta memberi keyakinan kepada umat Islam untuk menuntut ilmu agama daripada guru bertauliah serta pakar dalam bidang masing-masing.

Muhammad Amar Mirza berkata lebih mengujakan adalah BeDaie merupakan projek pertama di Malaysia yang menggabungkan dele-

gasi atau tenaga pengajar dari lapan negara iaitu Indonesia, Singapura, Pattani (Thailand), China, India, Yaman, negara-negara Afrika dan Sri Lanka.

Proses pembelajarannya juga teratur dengan menyediakan lebih 20 bidang berlandaskan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah serta sesuai kepada semua peringkat umur untuk mengikuti kelas Islamik, mempelajari ilmu, menghalaf al-Quran serta mendalami persoalan dan kemusyikan berkenaan masalah agama.

“Ini sekali gus, dapat mengurangkan kebergantungan umat Islam di Malaysia serta negara terlibat terhadap media sosial untuk mempelajari ilmu agama yang mungkin wujud segelintir pendakwah tidak bertauliah atau kesukaran mencari perkara yang ingin dipelajari,” katanya.

BeDaie diasaskan Muhammad



Amar Mirza sejak Mei lepas dan kerajaan negeri Kelantan yang me-wakilkan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi negeri Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan yang telah melancarkan platform itu secara ma-ya, 10 Ogos lalu.

Mengulas lanjut, Muhammad Amar Mirza yang juga pengasas sistem e-dagang Odajer itu berkata platform BeDaie juga menyediakan pengajaran kitab merangkumi empat mazhab yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan Mandarin.

Beliau turut berkata setakat ini,

BeDaie mempunyai kira-kira 500 pelanggan tempatan yang mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan secara langsung atau rakan video secara langsung dalam platform itu.

“BeDaie menyediakan pakej pembelajaran bermula dengan harga RM150 hingga RM250 sebulan, setakat ini, lebih 100 tenaga pengajar telah berdaftar di bawah platform ini. Bagaimanapun, tenaga pengajar untuk lapan negara lagi, kita sudah berurusan cuma mereka belum ‘masuk’ dalam platform ini lagi,” katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Amar Mirza turut menyasarkan seramai 1,000,000 orang akan melanggar BeDaie dengan 5,000 tenaga pengajar dari pelbagai negara berdaftar di bawah platform berkenaan dalam tempoh setahun.

Dr. Mohd. Shahid
Mohd. Noh

SEKALI pun kita di Malaysia masih dibelenggu dengan pandemik COVID-19 yang masih menggila, dengan jumlah kes positif harian yang kekal tinggi serta kes kematian yang melibatkan saudara dan rakan-rakan yang kita kenali, itu tidak sepatutnya menghalang untuk kita menzahirkan syukur ke atas nikmat iman, Islam dan kesihatan yang masih dicurahkan kepada kita semua.

Yakinlah, bahawa Allah tidak menimpakan ujian kepada hambanya melainkan ia sesuai dengan darjat dan tahap keimanan hamba tersebut sejajar dengan firmanNya:

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

(Surah al-Baqarah:286).

Bulan Muharram adalah salah satu bulan yang dimuliakan oleh Allah SWT dan juga bulan Haram di dalam Islam.

Selain peristiwa-peristiwa kemenangan dan kegembiraan, berlaku juga peristiwa sedih pada bulan ini, iaitu pembunuhan Saidina Husain bin Ali RA di sebuah tempat bernama Karbala (kini terletak di Iraq), bersama anak dan beberapa kaum kerabatnya yang lain.

Mengulas mengenai peristiwa ini, seringkali fikiran kita akan dibayangi dengan ritual Karbala yang dilakukan oleh pengikut Syiah pada tanggal 10 Muharram setiap tahun dengan meratapi dan menangisi malahan lebih dahsyat lagi apabila mereka mencederakan diri sendiri sebagai menzahirkan rasa kesedihan mereka.

Ini amat bertentangan dengan prinsip wasatiyyah yang dianjurkan oleh Islam serta larangan untuk meratapi kematian seseorang.

Apa yang berlaku kepada

Ibrah peristiwa Karbala dan peranan taqwa di zaman penuh ujian



ALLAH SWT tidak menimpakan ujian kepada hambanya melainkan ia sesuai dengan darjat dan tahap keimanan hamba tersebut.

Saidina Husain bukanlah musibah pertama yang menimpa kepada orang solihin lagi dimuliakan oleh Allah SWT.

Bukankah sebelum itu ayahnya, Saidina Ali RA juga turut dibunuh? Begitu juga dengan abang kandungnya, Saidina Hasan yang mati diracun, menurut sesetengah pendapat.

Malah dua Khalifah ar-Rasyidin sebelum ayahnya, Saidina Umar Al-Khattab RA dan Saidina Uthman ibnu Affan RA juga turut dikhianati dan dibunuh.

Perkara ini memberikan satu isyarat kepada kita bahawa ujian hidup yang dialami oleh seseorang itu, hatta sehebat-hebatnya sehingga membawa kepada kematianya sekali pun, merupakan proses peningkatan martabat iman, di samping membersihkan dosa-dosa.

Segala ketentuan yang berlaku

itu sentiasa bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya yang terpilih, sebagaimana firmanNya:

Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).

(Surah al-Ahzab:ayat 33)

Malah tidak cukup dengan kemuliaan tersebut, mereka juga tergolong di dalam kelompok orang yang sabar sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata:

"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

(Surah al-Baqarah: ayat 155-156)

Diriwayatkan di dalam kitab al-Mihan karangan Muhammad bin Ahmad al-Tamimi (wafat pada 333 H): Setelah peristiwa pembunuhan Saidina Husain RA, ahli keluarganya yang masih hidup telah dibawa ke istana khalifah ketika itu, iaitu Yazid bin Muawiyah.

Antara yang masih terselamat ialah Ali bin Husain RA, atau turut dikenali dengan nama Ali Zainal Abidin, iaitu anak lelaki tunggal Saidina Husain yang masih hidup.

Apabila Yazid bertanya kepadanya mengenai peristiwa tersebut, jawapan yang keluar dari mulut seorang pemuda yang beriman dan berjiwa besar ini ialah bacaan ayat 22 dan 23 surah al-Hadid yang bermaksud:

Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.

Supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak pula

bergembira (secara sompong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu.

Beginilah contoh terbaik yang ditampilkan oleh ahli keluarga Rasulullah SAW, ketika berhadapan dengan ujian yang amat pedih lagi menyedihkan ini.

Tiada perkataan yang keluar dari mulutnya yang baru sahaja menyaksikan kematian ahli keluarganya, melainkan firman Allah SWT yang jelas mampu menenangkan jiwa-jiwa mereka yang beriman di samping yakin dengan janji-janji Allah kepada setiap hambanya yang bersabar apabila diruntun ujian.

Ujian hidup yang Allah SWT berikan sesungguhnya adalah pelbagai dan berbeza bentuknya.

Walau bagaimanapun, ujian tersebut tidak akan melebihi had yang mampu dihadapi dan diterima oleh seseorang itu, selagi mana imannya masih tersemat rapi di dalam jiwanya.

Apa yang penting, kita sebagai seorang Muslim hendaklah bersungguh-sungguh mempersiapkan ketakwaan kita serta keluarga kita, sebagaimana pesanan khatib di mimbar Jumaat saban minggu, bagi menghadapi segala kemungkinan dalam hidup.

Dengan berbekalkan takwa sahajalah, segala musibah dan ujian akan mampu diatasi seperti firmanNya:

Sediakanlah bekalan, dan sebaik-baik bekalan adalah ketakwaan kepada Allah SWT (Surah al-Baqarah: ayat 197).

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my

TNB tawar dermasiswa MYBF kepada 2,500 penuntut B40

TENAGA Nasional Berhad (TNB) meneruskan tajaan dermasiswa, biasiswa dan pinjaman pendidikan boleh ubah menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN), meskipun berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Pengerusinya, **Datuk Seri Mahdzir Khalid** berkata, seramai 2,500 penuntut dalam kalangan B40 akan menerima tajaan dermasiswa My Brighter Future (MyBF) pada tahun ini.

Menurutnya, TNB komited membantu penuntut melanjutkan pendidikan bagi menyokong usaha meningkatkan modal insan, terutama pelajar dari keluarga B40 untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

"Kami terpanggil meneruskan tajaan terutama MyBF kepada

penuntut daripada keluarga susah melanjutkan pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), lebih-lebih lagi dalam suasana pandemik COVID-19 yang masih berlanjutan.

"Dermasiswa MyBF diberikan kepada penuntut tanpa permohonan dan proses temu duga, malah tiada bayaran balik.

"Calon yang layak dipilih daripada pengkalan data Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA iaitu UPU Online dengan padanan dibuat dengan keluarga yang tersenarai dalam sistem Bank Data Kemiskinan Nasional, eKasih," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dermasiswa MyBF adalah kerjasama TNB dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) un-

tuk menyelaras serta mengenal pasti calon layak daripada keluarga berpendapatan rendah melanjutkan pengajian di tujuh universiti awam, politeknik dan kolej komuniti terpilih.

Antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, tajaan tahunan setiap seorang di peringkat ijazah pertama adalah berjumlah RM10,000, diploma RM9,000 dan sijil RM6,600.



TNB komited membantu penuntut melanjutkan pendidikan bagi menyokong usaha meningkatkan modal insan, terutama pelajar dari keluarga B40 untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

DBKL naik taraf jalan, laluan ke Lebuhraya Mahameru dilencong mulai 12 Ogos

BAGI memberi kesesuaan kepada pengguna jalan raya di masa hadapan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menaik taraf persimpangan bertingkat di beberapa laluan utama sekitar ibu negara bermula 12 Ogos 2021 sehingga 11 April 2022.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, kerja-kerja menaik taraf itu melibatkan Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru), Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan beberapa laluan lain sekitar Kuala Lumpur.

"Sehubungan itu, penutupan jalan dan lencongan trafik akan dilaksanakan di persimpangan lampu isyarat dari Jalan Sultan Azlan Shah menghalau Lebuhraya Sultan Iskandar bermula 12 Ogos 2021 sehingga 11 April 2022.

"Trafik dari Jalan Sultan Azlan Shah (arah ke Sentul) menghalau Lebuhraya Sultan Iskandar akan dilencongkan ke Jalan Rahmat dan juga Jalan Sentul – Jalan Sentul Manis – Jalan Tun Razak untuk ke Lebuhraya Sultan Iskandar.

Tambahnya, pengguna jalan raya dinasihatkan supaya mematuhi isyarat papan tanda sementara sebagai panduan dan langkah keselamatan bagi mengelakkan kekeliruan. WK



PETA menunjukkan laluan yang akan ditutup dan dilencongkan.

Ahmad Shawal kembali bangkit berkat dorongan keluarga

Jutawan tani selepas hampir gila

USAHAWAN tani ini nyaris gila pada 2011 sebaik syarikat kontraktor yang diusahakan sejak berusia 18 tahun, hampir gulung tikar gara-gara dikhianati.

Ahmad Shawal Mispan yang ketika itu berusia 27 tahun dan sedang seronok mengcap nikmat bergelar jutawan muda dengan memiliki pelbagai aset serta kenderaan mewah, 'terduduk' apabila kehilangan jutaan ringgit dalam sekelip mata selain dihimpit masalah hutang.

Ia menyebabkan beliau mengalami tekanan perasaan melampaui sehingga hilang pedoman dan melakukan perkara pelik termasuk mengasingkan diri di bawah jambatan, menyebabkannya dipandang serong oleh masyarakat.

Namun, mujurlah bapanya Mispan Zaidin, 73, dan ibunya Siti Khatijah Musanif, 63, bertindak pantas 'menyelamatkannya' dan mengembalikan keyakinan sehingga beliau kembali bangkit dan bertarikh menyertai bidang pertanian serta penternakan.

"Ibu bapa sedar diri saya yang

mengalami tekanan mental, jadi mereka berusaha untuk 'tarik' saya kembali.

"Mereka bina kandang lembu hasil daripada jualan tanah di Negeri Sembilan dan saya jadikannya sebagai satu terapi. Hari-hari hidup saya hanya dengan lembu, bercerita dengan haiwan itu sehingga saya lupa dengan dunia luar dan masalah dihadapi sebelum ini," katanya yang kini berusia 37 tahun.

Selepas lapan bulan menyendirinya dalam dunia tersendiri, semangatnya akhirnya pulih dan tanpa menoleh ke belakang, Ahmad Shawal yang merupakan anak keliniran Tanjung Sepat, Banting, Selangor membuat keputusan untuk bergerak secara serius dalam bidang penternakan dan pertanian pada 2013.

Ketika itu saya masih mempunyai tanah yang berkeluasan lapan hektar (20 ekar) di sekitar Banting, jadi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bantu saya bangkit kembali dengan memberi pinjaman bercagar mengikut nilai pasaran tanah ketika itu.

"Dengan modal yang diberikan, saya mula membangunkan empari dalam bidang penternakan dan pada masa sama perniagaan dalam bidang kontraktor diteruskan sehingga mendapat kembali kepercayaan daripada pelanggan," katanya yang juga merupakan pengasas Bumijaya Rezeki Sdn Bhd.

Percaturannya itu ternyata tepat apabila beliau kini bergelar jutawan halia dan lengkuas dengan memiliki ladang pertanian berkeluasan 80 hektar di Banting yang turut ditanam dengan pelbagai jenis tanaman lain seperti, kumit, ubi kayu dan ubi keledek selain memiliki 0.8 hektar tanah untuk ternakan lembu.

Semua hasil tanaman itu, katanya diantar ke pasar raya besar seperti Giant, Econsave, Tesco dan Sri Ternak Mart Sdn Bhd di seluruh negara serta Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat dan menjadi seorang daripada pembekal halia dan lengkuas utama di negeri ini.

Untuk perancangan masa hadapan, beliau yang banyak menerima

bimbingan PPK Kuala Langat bercadang untuk mengusahakan penternakan ayam daging dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Walaupun saya hanya berkelelusinan darjah enam dan pernah gagal, namun itu bukan batu penghalang untuk berjaya. Yang penting jangan putus asa, kena berfikir positif dan mempunyai semangat kental untuk hadapi cabaran," katanya.

Enggan nikmat kejayaan itu dikehendaki sendiri, Ahmad Shawal yang juga mesra dengan panggilan Boboy turut berganding bahu

bersama PPK Kuala Langat dengan menjadi tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan tani.

Ia bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan golongan muda khususnya agar mampu berdaya saing terutamanya dalam kalangan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Sehingga kini, Ahmad Shawal yang merupakan anak keempat daripada sembilan adik-beradik itu mampu mengupah seramai 20 pekerja untuk menjaga ladang tanamannya dan ternakan lembunya. - BERNAMA

KEMUDAHAN BAGI INDIVIDU LENGPAP VAKSINASI BERMULA 10 OGOS 2021

KRITERIA LENGPAP VAKSINASI



Melepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos ke-2



Melepas hari ke-28 dari tarikh suntikan

TERBUKA BAGI SEMUA FASA PPN

KUARANTIN WAJIB DI RUMAH

Bagi pengembara warga tempatan & bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia (termasuk PR & Malaysia My Second Home)



RENTAS DAERAH/NEGERI

• Pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan bertemu
• Ibu bapa dibenarkan melaui anak di bawah umur 18 tahun



AKTIVITI IBADAT BERAGAMA ISLAM

- Hanya solat dibenarkan di masjid & surau
- Tertakluk kepada pihak berkewsa agama negeri

BUKAN BERAGAMA ISLAM

- Dibenarkan hadir rumah ibadat
- Tertakluk kepada Kementerian Perpaduan Negara

RENTAS DAERAH

Pamer sijil digital vaksinasi COVID-19 di sekitar jalan raya

PREMIS MAKAN

- + Makan di premis apabila perlu sahaja & tidak luangkan masa terlalu lama
- + Dinasihatkan beli & bawa balik
- + Pemilik premis disarankan sediakan lebuh ruang di luar bagi penggunaan lebuh baik
- + Ibu bapa yang bawa anak berusia 17 tahun ke bawah perlu pastikan mereka patuhi SOP

SUKAN / REKREASI

- Tanpa sentuhan fizikal / tidak berkumpulan
- Di kawasan terbuka & separa terbuka
- 6 pagi - 10 malam
- Tidak dibenarkan guna bilik persalinan / bilik mandi di premis rumah kelab

PELANCONGAN

Dalam negeri yang sama melibatkan inap desa & hotel

PPN: Pelan Perjalanan Negara
PR: Premestruasi Tetap
SOP: Prosedur operasi standard

Sumber: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin

Diterbitkan: 8 Ogos 2021
Infographic Bernama



Mahu ulangi kejayaan di Kashima

Nordiyannah idam ke Piala Dunia Remaja



AINI MAWAWI

ATLET bola jaring kelahiran Kuala Lumpur, **Nordiyannah Noorsabadiene**, 21, berhasrat untuk beraksi di Piala Dunia Remaja yang dijangka berlangsung di Fiji, Jepun hujung tahun ini.

Dia amat mengimpikan kesempatan tersebut kerana tidak dapat beraksi pada sesi pemilihan kejohanan Piala Dunia Remaja 2017 gara-gara kecederaan di bahagian kaki.

"Saya amat berharap terpilih pada sesi pemilihan seterusnya berpeluang menyertainya. Pun begitu, setakat ini masih tida sebarang berita sama ada ia akan dilangsungkan atau sebaliknya memandangkan pandemik



COVID-19," ujar penjaring remaja ini.

Dia yang kini bersama pasukan Bola Jaring U21 Kebangsaan berkata, situasi wabak yang masih membelenggu negara turut memberi kesan terhadap sesi latihan lebih-lebih lagi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kami hanya berlatih sebanyak tiga kali seminggu berpandukan program yang dibekalkan Majlis Sukan Negara (MSN). Ia lebih kepada aktiviti fizikal sahaja. Mungkin bila habis PKP baru akan turun padang.

"Rindu nak berlatih seperti biasa. Lagi pula kalau lama sangat tak beraksi, bila perlu bermula nanti akan ambil masa sebulan juga untuk kembali kepada momentum asal," ujarnya.

Katanya lagi, kali terakhir dia menyertai kejohanan adalah pada April lalu pada edisi pertama Kejohanan Bola Jaring Liga Super (NSL) yang berlangsung di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur

"Alhamdulillah, ketika itu pasukan bola jaring kebangsaan berjaya bergelar juara. Ia satu pengalaman yang indah sebelum negara kembali ke fasa PKP semula," ujar pelajar Politeknik, Nilai, Negeri Sembilan ini lagi.

Berkongsi kenangan manisnya, atlet Wilayah Persekutuan ini tidak dapat melupakan saat pasukan Bola Jaring U21 Kebangsaan dimahkotakan sebagai juara remaja Asia selepas menewaskan Singapura 57-48 pada Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia 2019 di Kashima, Jepun. WK

"Itu antara memori yang berharga sepanjang 10 tahun saya berkecimpung dalam sukan bola jaring. Kemenangan tersebut secara tidak langsung juga membantu melayakkan Malaysia mewakili Benua Asia ke Kejohanan Bola Jaring Remaja Dunia 2021 di Fiji," ujar anak kedua daripada enam orang adik-beradik ini. WK

Info Nordiyannah

- 2021 - Kejohanan Liga Super Bola Jaring, Bukit Kiara - **Juara**
- 2019 - Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia 2019, Kashima, Jepun - **Juara**
- 2018 - SUKMA Perak - **Juara**
- 2017 - Kejohanan Remaja Asia Kashima Jepun - **Juara**



NORDIYANAH meraikan kemenangan pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super (NSL) baru-baru ini.

E-Sukan: GANK tandatangan kerjasama RM2 juta bersama SEAGM



GANK memulakan kerjasama baharu bersama SEAGM selepas kontrak mereka bersama penaja sebelum ini tamat baru-baru ini.

GANK, selaku salah sebuah pasukan profesional PUBG Mobile paling berjaya dan popular Malaysia, melangkah setapak lagi dalam perjalanan e-sukan mereka bersama rakan kerjasama baharu iaitu SEAGM sebuah platform barang permainan digital dalam talian yang terkenal.

Pemenang rekod Malaysia Book of Records sebagai 'pasukan pertama memenangi kejohanan PUBG Mobile peringkat Asia', memulakan kerjasama baharu bersama SEAGM selepas kontrak mereka bersama penaja sebelum ini Yoodo, tamat baru-baru ini.

Pada perjanjian bernilai RM2 juta antara SEAGM dan Wulf Esports, pasukan itu akan bertanding dalam Liga Profesional PUBG Mobile (PMPL) Musim Empat dan kesemuanya acara e-sukan PUBG Mobile pada masa hadapan sebagai 'SEM9.GANK' - pasukan PUBG Mobile untuk organisasi e-sukan SEM9.

Pengasas pasukan GANK dan Ketua Pegawai Eksekutif Wulf Esports **Kevin Wong** berkata, mereka memutuskan untuk mempererat lagi kerjasama bersama rakan penaja mereka sejak sekian lama SEAGM, kerana mereka percaya dengan potensi peningkatan SEM9 dengan visi e-sukan yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SEAGM Tommy Chieng.

Kevin menyatakan yang SEAGM telah menjadi penyokong kuat dan mempercayai keupayaan pasukan itu sejak dari awal penubuhannya.

"Ketika kami menemui SEAGM pada awal penubuhan kami,

SEAGM sentiasa menyokong pasukan kami dan sejak itu kami berkongsi beberapa konsep dan pemikiran yang sama, sejak sekian lama.

"Kini akhirnya, kami dapat merealisasikan impian kami menjadi sebahagian daripada organisasi e-sukan yang dimiliki dan berpangkalan di Malaysia, dan seterusnya memperkuatkan lagi kehadiran kami di dalam dan peringkat antarabangsa," katanya dalam sidang media secara maya.

Sementara itu Tommy mengumumkan SEM9 yang bermaksud SEAGM Esports Malaysia 9, akan menjadi sebuah organisasi e-sukan Malaysia yang secara berterusan membangunkan dan menyokong bakat-bakat Malaysia, dalam merealisasikan impian mereka sebagai pemain profesional, selain menyediakan satu platform yang membina laluan kerjaya untuk bakat-bakat tersebut.

SEM9.GANK akan menampilkan Aiman "ManParang" Amirul sebagai Ketua Dalam Permainan (IGL), Azim "DRAXX" Ikromi sebagai Fragger, Hakim "Bravo" Saddar sebagai Rusher, Faizul "Putra" Iskandar Putra sebagai Support, dan Azim "Wrydep" Haris sebagai 'stand-in' Rusher.

Pengulas profesional e-sukan Fawwaz "Soultan" Sehaimi akan menyokong pasukan itu dari luar sebagai penganalisis pasukan, bersama bekas pemain PUBG profesional Agus "Hahagus" Amran, yang meneruskan peranannya sebagai jurulatih.

Satu inisiatif oleh SEAGM, SEM9 merupakan satu organisasi e-sukan Malaysia yang baharu ditubuhkan dengan peningkatan yang cepat dan berjaya bersama pasukan e-sukannya, seperti League of Legends: pasukan Wildrift dan pasukan Free Fire mereka. - BERNAMA

Dua pemain ragbi negara hampir pasti terlepas pramusim di Jerman

DUA daripada tiga pemain skuad ragbi 15 sepasukan (15's) negara yang ditawarkan beraksi di Liga Ragbi Divisyen Satu Jerman mungkin terpaksa melupaka hasrat menyertai pasukan lebih awal menjelang saingan yang dijadual bermula 4 Sept.

Setiausaha Agung Kehormat Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) **Amrul Hazarin Hamidon** berkata ini kerana kedua-dua pemain berkenaan perlu menunggu sehingga mele过asi hari ke-14 dari tarikh suntikan vaksin COVID-19 dos kedua sebelum dibenar berangkat ke Jerman.

Beliau berkata pihaknya juga sedang menunggu surat kebenaran keluar negara dari Jabatan Imigresen Malaysia.

"Kalau perlakuan dilakukan sesuatu oleh kami (KRM) untuk pastikan mereka dapat berangkat awal iaitu dengan mempercepatkan tarikh suntikan dos kedua, kita akan cuba. KRM akan berusaha untuk membantu mereka ke sana," katanya ketika dihubungi Bernama.

Amrul Hazarin berkata kedua-dua pemain itu dijadual mendapat suntikan dos kedua vaksin COVID-19 pada 19 Ogos sekali gus menyaksikan mereka hanya boleh keluar negara sea-

wal 3 Sept.

Terdahulu, KRM mengumumkan tiga pemainnya iaitu Mohamad Amin Jamaluddin, Noor Alif Ikhmal Noor Hisham dan Samuel Rentap Meran ditarikhkan beraksi bersama kelab TV 1834 Pforzheim bagi musim 2021/2022.

Kelab itu turut menamakan ketiga-tiga pemain negara untuk menyertai sesi latihan pramusim selain beberapa siri perlawan persahabatan sebelum saingan liga bermula.

Amrul Hazarin berkata surat tawaran itu diterima KRM pada 30 Julai lepas dan ia memberi peluang kepada pemain negara untuk terus beraksi dalam tempoh pandemik COVID-19.

"Sebenarnya bouncer (nama panggilan Mohamad Amin) dan Alif sudah beraksi di sana sebelum ini tapi mereka terpaksa balik selepas liga terhenti. Ia satu peluang yang bagus untuk terus bermain, dengan keadaan sekarang kita pun tidak tahu bila kejohanan di Malaysia dapat dijalankan," katanya.

Amrul Hazarin berkata menurut surat tawaran itu, ketiga-tiga pemain negara sepututnya dikehendaki melapor diri pada 20 Ogos ini. - BERNAMA





E-mail menteri mohon lesen

Syed Al-Kadir bersyukur dapat bermula

AZLAN ZAMBRY

GALAKAN untuk memulakan perniagaan dalam kalangan warga kota di Wilayah Persekutuan sentiasa di berikan malah pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah membantu ramai peniaga kecil untuk meneruskan kehidupan dalam musim yang mencabar ini.

Melalui Wilayah Bebas BERNIAGA (WBB) yang diilhamkan oleh Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** tahun lalu dilihat mampu menyambung nyawa golongan berpendapatan kecil untuk memperolehi pendapatan dengan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Seorang peniaga, **Syed Al-Kadir Syed Al-Abdul**, 48, yang menetap di Taman OUG, Jalan Kelang Lama menyifatkan pemberian lesen niaga dalam musim pandemik amat bermakna kerana ia dapat membantunya untuk mencari rezeki.

“Ini merupakan percubaan pertama untuk bermula dan saya memilih perniagaan makanan dan minuman sebagai permulaan.”

“Insha Allah, gerai ini akan memulakan operasi selewat-lewatnya awal September ini selepas semua urusan diselesaikan selain kawasan yang dipilih akan dibersihkan terlebih dahulu kerana ia kawasan semak samun,” katanya kepada *Wilayahku* pada Khamis.

Bercerita lanjut, Syed Al-Kadir berkata, beliau telah menghubungi Menteri Wilayah Persekutuan melalui e-mail untuk memohon



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa (kiri) menyerahkan surat tawaran dan lesen bermula kepada Syed Al-Kadir pada Rabu.

lesen perniagaan di samping turut meminta pertimbangan untuk beroperasi lebih masa.

“Saya menghantar email kepada Tan Sri Annuar untuk minta tolong mendapatkan lesen bermula kerana waktu PKP ini, masa operasi bermula terlalu singkat.

“Saya mengumumkan rayuan dan ment-

eri telah mempertimbangkan. Beliau turut memberitahu kepada Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya diberikan masa untuk beroperasi awal sedikit dan tutup lewat iaitu bermula pukul 6 pagi sehingga 11 malam.

“Walaubagaimanapun, untuk tempoh PKP ini, saya di minta untuk menganggarkan seketika hasrat tersebut dan perlu akur kepada arahan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.

Beliau yang juga bekas penjawat awam berkata, sekalipun belum pernah bermula, namun beliau mempunyai pengalaman di dalam bidang tersebut ketika membantu rakan-rakannya menjalankan perniagaan.

“Sebelum ini saya pernah membantu rakan-rakan lain dalam perniagaan dan untuk bermula sendiri saya tidak kekok kerana sudah mempunyai pengalaman serta sudah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk berhadapan dengan cabaran dalam perniagaan.

“Saya memohon lesen lebih awal kerana hendak bermula secara betul dan untuk mengelakkan masalah dengan pihak DBKL sekiranya bermula tanpa kebenaran dan dengan lesen yang sah,” katanya.

Katanya lagi, Tan Sri Annuar Musa sempat berpesan kepada mereka untuk menjalankan perniagaan dengan baik dan beliau turut menitik beratkan kebersihan di kawasan perniagaan bagi mengelakkan masalah.

Selain itu Tan Sri turut berkata, pihak DBKL akan menyelia kawasan tersebut dan untuk permulaan tempoh lesen yang di berikan adalah enam bulan sahaja dan selepas itu, untuk pembaharuan lesen akan di berikan secara tahunan,” katanya mengakui terkejut menerima lesen itu daripada Annuar sendiri. **WK**

Jangan segan tunjuk kasih sayang - Naim Daniel

NAIM
DANIEL

DEEL ANJER

KEGANASAN rumah tangga dilaporkan meningkat sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

Kebanyakan kes berpunca daripada desakan kewangan dan tekanan hidup sehingga ada yang bertindak mencederakan pasangan atau ahli keluarga yang lain.

Oleh itu, penyanyi **Naim Daniel**, 23, mengajak masyarakat mengambil contoh penyanyi Allahyarhamah Siti Sarah yang sering menyebarkan elemen kasih sayang berkeluarga dalam media sosial.

Katanya, antara yang dilakukan

Allahyarhamah kepada keluarga tercinta adalah menjaga suami dengan baik, sentiasa memasak untuk keharmonian keluarga di samping bijak memainkan peranan sebagai isteri serta ibu dan sebagainya.

Bagi Naim, kasih sayang yang disebarluaskan oleh arwah patut dicontohi masyarakat bagi mengelakkan tekanan dalam tempoh PKP.

“Selepas pemergian Allahyarhamah Siti Sarah, kita dapat lihat semua rakyat Malaysia bersatu. Kita juga dapat melihat bagaimana tanggungjawab dan besarnya pengorbanan Sarah.

“Kehilangan Sarah telah membuka mata ramai orang untuk berkasih sayang. Selepas ni janganlah berasa segan untuk menunjukkan rasa cinta dan rekod sebanyak mungkin kenangan bersama keluarga.

“Mungkin ini (pemergian Sarah) adalah cara untuk Allah tegur kita agar sentiasa kembali kepadaNya. Pemergian Sarah boleh buka hati kita semua. Sama-sama

fikir balik, apa yang kita tertinggal sebelum ini,” luah Naim Daniel sejurus lepas sesi bacaan Yaasin secara virtual bersama rakan-rakan artis dan media.

Naim atau nama sebenarnya Muhammad Naim Daniel Baharin juga mengaku antara pengalaman manis bersama Allahyarhamah Siti Sarah adalah, apabila diberi peluang mencipta lagu untuknya walaupun tidak sempat diterbitkan.

“Dia memberi kepercayaan kepada saya untuk mencipta lagu untuk dia. Dialah orang pertama yang betul-betul minta lagu secara terus dengan saya. Allah per mudahkan.

“Kalau dengar lagu tu kita tahu ironinya tentang kehilangan. Sekarang, saya tak nampak ke mana lagi jiwa lagu itu selepas Sarah.

“Ayuhlah kita sama-sama berdoa agar arwah dipeluk Allah dengan kemas dan berada dalam kalangan orang beriman,” ujarnya lagi. **WK**